

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ISMAIL BIN IDRIS  
ADAKAH PUTERI SAADONG ADALAH MAYANG SARI?**

<b>MOHD KHAIRI ANAS BIN ROSMAN</b>	<b>2015165841</b>
<b>MUHAMMAD FARIS HAMI MOHD ZAHIBI</b>	<b>2015146335</b>

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UiTM CAWANGAN KELANTAN**

**FEBRUARI 2017 – JULAI 2017**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Ini adalah transkrip penuh temubual bersama Encik Ismail bin Idris berkisarkan kisah Puteri Saadong. Temubual ini dilakukan di rumah Encik Ismail di Kampung Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan pada 25 April 2017, jam 8 malam sehingga 11 malam. Versi kisah Puteri Saadong kali ini berbeza sedikit dengan cerita Puteri Saadong yang sebelum ini. Kisah Puteri Saadong berdasarkan temubual bersama Encik Ismail lebih memfokuskan jasa Puteri Saadong terhadap penduduk Kampung Bukit Jawa dan bagaimana balasan orang Kampung Bukit Jawa ke terhadapnya. Kisah Puteri Saadong kali ini diperjelaskan bahawa dia tidak mempunyai kaitan dengan Cik Siti Wan Kembang dan Raja Abdullah.*

## PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke adrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami menyiapkan kerja kursus ini dengan jayanya. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ismail bin Idris kerana telah bersetuju untuk menjadi pencerita kepada kami. Seterusnya terima kasih kepada Penghulu Kampung Selising, Penghulu Jani kerana telah mempertemukan kami dengan Encik Ismail, juga kepada isteri Encik Ismail yang menyambut kami dengan baik sekali.

Terima kasih kepada Universiti Teknologi Mara Kampus Kelantan kerana telah menyediakan perpustakaan dan bahan bacaan dan rujukan yang banyak untuk kegunaan kami sepanjang menyiapkan tugas ini.

Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah kami, Puan Kamariah Chik dan Puan Noor Rahmawati Alias. Mereka telah banyak membantu kami dari awal sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini. Budi mereka tidak terhingga, akan kami kenang sampai syurga.

Akhir sekali, ribuan terima kasih buat sahabat-sahabat sekelas yang tidak berat hati menolong kami ketika kami tidak jelas akan sesuatu perkara, seperti dialek Kelantan yang agak pekat.

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
UITM	- Universiti Teknologi Mara
SRP	- Sijil Rendah Pelajaran
MP	- <i>Military Police</i> (Polis Tentera)

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	1
Penghargaan.....	2
Senarai Singkatan.....	3
Isi Kandungan.....	4
Biodata Penemubual.....	5
Biodata Pencerita.....	6
Pengenalan.....	7
Kajian Literatur.....	8
Transkrip.....	9
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	9
Bahagian2:Asal-usul Puteri Saadong.....	28
Bahagian 3: Perjuangan Puteri Saadong.....	51
Bahagian 4: Harapan Pencerita.....	56
Rujukan.....	59
Indeks.....	60
Lampiran	
Log Temubual.....	62
Biografi Tokoh.....	65
Diari Kajian.....	66
Senarai soalan.....	69
Surat Perjanjian.....	70
Gambar .....	71

## BIODATA PENEMUBUAL



Muhammad Faris Hami  
Mohd Zahibi  
Lenggong, Perak  
IM245 (Pengurusan Maklumat)



Mohd Khairi Anas Rosman  
Kulim Kedah  
IM245 (Pengurusan Maklumat)

### BIODATA PENCERITA



<b>Nama</b>	Ismail bin Idris
<b>Alamat</b>	Pasir Puteh, Kelantan
<b>No Telefon</b>	Pak Do Awe
<b>Nama Panggilan</b>	65 Tahun pada 2017
<b>Umur</b>	

## PENGENALAN

Puteri Saadong atau Mariam (memerintah Kelantan antara tahun 1667–1671), merupakan anak angkat kepada Cik Siti Wan Kembang, Raja Wanita Pertama negeri Kelantan. Nama penuh Puteri Saadong ialah Tuan Puteri Saadong binti Raja Loyor; juga memakai gelaran Puteri Vijaya Mala, Raja Jembal; merupakan anak perempuan Raja Loyor bin Raja Sakti, Raja Jembal.

Puteri Saadong telah dibawa oleh Cik Siti Wan Kembang ke Bukit Marak apabila ibunya meninggal dunia. Puteri Saadong menggantikan pemerintahan ayahdanya yakni Raja Jembal pada tahun 1667, lalu Puteri Saadong ditabal sebagai Sultan Kelantan pada tahun yang sama. Baginda Puteri Saadong merupakan raja wanita ke-dua di negeri Kelantan.

Cik Siti Wan Kembang telah memperkenankan perkahwinan antara Puteri Saadong dengan sepupunya iaitu Raja Abdullah bin al-Marhum Sultan Samiruddin, Raja Kelantan-Selatan (Jembal) apabila Puteri Saadong berumur 15 tahun.

Puteri Saadong telah ditangkap oleh tentera Siam lalu dijadikan permaisuri kepada Raja Narai, Raja Siam (kini Thailand), untuk menggantikan kehidupan suaminya. Berikutan penangkapan Puteri Saadong, Raja Abdullah mengambil pendirian untuk menunggu kepulangan Puteri Saadong, baginda Raja Abdullah tidak lagi berkahwin. Namun selepas bertahun-tahun menunggu, Raja Abdullah mengambil kepuasan untuk berkahwin lain.

Apabila Puteri Saadong telah kembali semula ke Bukit Marak untuk mencari Raja Abdullah untuk berkahwin semula. Lalu Puteri Saadong telah kecewa apabila mendapati Raja Abdullah telah berkahwin dengan wanita lain, atas perasaan amarah yang mendalam, Puteri Saadong bertekad lalu telah membunuh Raja Abdullah dengan menggunakan keris sanggul yang disemat dirambutnya.

Selepas insiden tersebut, Puteri Saadong telah meninggalkan Bukit Marak lalu hilang tanpa dijejaki lagi. Makam Raja Abdullah sehingga hari ini masih boleh dilihat dan dilawati di Padang Halban, Melor di daerah Bachok, Kelantan.

Akan tetapi, kami sedar cerita ini terdapat pelbagai versi. Jadi, kami ingin mengetahui apakah versi kali ini di Kampung Bukit Marak.



## KAJIAN LITERATUR

Menurut laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bahagian Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu disemak dan dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Berdasarkan laman sesawang mynameis8, di sana menyatakan bahawa cerita rakyat adalah cerita yang berasal dari masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau yang menjadi ciri khas setiap bangsa yang mempunyai budaya yang berbilang kaum. Di negeri Kelantan, terdapat banyak kisah dan cerita rakyat yang diturunkan secara turun temurun. Antaranya adalah kisah Puteri Saadong dan Tok Janggut.

Kisah Puteri Saadong sebagaimana dinyatakan di dalam sokmo.net adalah kisah seorang wanita yang mempunyai kesetiaan yang tinggi terhadap suaminya, tetapi kerana merasakan dirinya dicurangi akibat suaminya Raja Abdullah telah berkahwin lain semasa dia diculik Raja Siam, dia hilang pertimbangan lalu membunuh suaminya dengan sanggup. Lalu lari ke Bukit Jawa, seterusnya ke Bukit Marak dan Gunung Ayam di Pahang.

## TRANSKRIP TEMUBUAL

Kami, Mohd Khairi Anas dan Muhd Faris Hami dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] Kampus Machang Kelantan, telah menemuramah Encik Ismail bin Idris atau lebih dikenali sebagai Pak Do Awe. Temuramah itu berlangsung di rumah Pak Do Awe, Kampung Bukit Marak pada 25 April 2017 pada jam 8.30 malam. Tujuan temubual ini adalah untuk memenuhi permintaan subjek pendokumentasian sejarah dan ingin mengenal pasti beberapa versi cerita rakyat di Kelantan ini. Temubual ini berkisarkan Puteri Saadong dan soalan-soalan terbahagi kepada 4 bahagian. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

I: Ismail bin Idris

A: Khairi Anas

F: Faris Hami

### Bahagian 1 : Latar Belakang Narrator

A : Nama saya Mohd Khairi Anas, dan ini kawan saya Mohd Faris Hami. Kami dari UiTM Kelantan. Hari ini kami nak temubual pakcik sikit lah untuk siapkan kertas kerja kami. Kami nak temubual pakcik mengenai Puteri Saadong.

F : **Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai diri encik?**

I : Nama pakcik *ko* [kah]? Nama pakcik nya kalau dalam *ic* [kad pengenalan] namanya Ismail Bin Idris. Ya, jadi begitu lah nama dalam *ic* [kad pengenalan]. *Pahtu* [selepas itu] yang pakcik duduk [tinggal] sini lama dah. Sekarang ini, berapa puluh tahun dah *eh* [pelengkap ayat]? Ya, duduk [tinggal] sini banyak puluh tahun dah. Tiga

## PUTERI SAADONG

puluh [30] tahun ada. *Pasei* [kerana] anak sulung sekarang ini umur empat puluh [40] lebih dah dia. Umur pakcik sekarang ini masuk enam puluh [60] (bunyi motosikal), tahun lima puluh dua [1952] (bunyi motosikal). Ya, enam puluh lima [65]. Ya, lebih kurang itu lah [pelengkap ayat]. Muda? (ketawa) Jadi pakcik duduk [tinggal] sini *ni* [pelengkap ayat], duduk [tinggal] mulanya, duduk [tinggal] dengan rumah tok ketua. Selepas itu saya buat rumah sendiri sini. Jadi, pakcik lah [pelengkap ayat] orang tua [ibu bapanya] *lah* [pelengkap ayat] *oyak* [memberitahu] yang cerita sejarah Puteri Saadong itu. Ya, masa kecil [kanak-kanak] lah, jadi zaman itu sebelum orang beri nama Bukit Jawa, orang Jawa yang datang buka bukit itu, *Puteri saadong itu ada dah* [Puteri Saadong telah wujud sebelum kedatangan Orang Jawa lagi]. Buka Bukit Jawa itu. Sekarang ini nama Bukit Jawa itu lah. Ya, sebelum itu Puteri Saadong ada dah. Jadi Puteri Saadong ni dia duduk *dale* [dalam] gua lah. Ada gua lah *situnya* [disitu]. Gua Bukit Jawa tu. Gua situ *comey* [cantik] lah. Dia ada dengan *tingkat* [tempat meletak pinggan dan mangkuk] , dengan barang-barang dia, *sekare ni jadi batu blako doh dio tinggal bare dio* [ semua sudah bertukar menjadi batu selepas pemergian Puteri Saadong]

**A** : **Encik lahir dimana?**

**I** : Ya, pakcik memang lahir di Selising, *alek blake* [di bahagian belakang] Balai Polis Selising rumah pakcik. Saya pun kahwin dengan *ore tino* [isteri ] dan datang duduk sini [Kampung Bukit Jawa]. Sini orang panggil Kampung Bukit Jawa.

**F** : **Nama gelaran pakcik di kalangan keluarga?**

PUTERI SAADONG

I : Orang panggil Pak Do

A : **Nama gelaran pakcik dikalangan rakan-rakan?**

I : Kalau pakcik dimana mana, orang panggil Pak Do lah. Tapi orang panggil Pak Do Awe. Dalam *ic* [kad pengenalan] keluar nama Pak Do Awe, nama dalam *ic* [kad pengenalan] nama Ismail [nama sebenar Pak Do di dalam kad pengenalan nya ialah Ismail], di luar orang panggil Pak Do Awe.

F : **Adakah encik pernah menetap di tempat lain?**

I : Tiada. Duduk disini lah. Asal sini lah. Asal orang Selising, dekat sahaja sini [Kampung Bukit Jawa] dengan Selising. Dekat *alek blake balai polis nuh* [bahagian belakang balai polis] rumah pakcik. Bawak *bini* [isteri] datang sini [Kampung Bukit Jawa]. Asal orang sini lah.

F : **Encik anak ke berapa dalam keluarga?**

I : Jadi, anak semua *hok* [yang] pakciknya, tujuh beradik [adik beradik Ismail seramai tujuh orang]. Perempuan empat, lelaki tiga. (isteri Ismail mencelah)

F : **Daripada bilangan adik-beradik encik, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?**

I : Perempuan empat orang, lelaki tiga orang.

F : **Mereka tinggal di mana?**

I : Sekarang ini duduk Kuantan seorang, lepas tu, dirumah ini seorang, eh, di rumah ini dua, Selising dua [dua orang adik beradiknya menetap di Selising]. *Mati sore* [seorang dari adik beradiknya telah meninggal dunia] meninggal seorang. Selepas itu, adik beradik yang lelaki ada *belako* [saudara lelaki nya masih ada semua nya]. Saya lah yang sulung lelaki [anak lelaki pertama]. Selepas itu, yang lelaki sorang lagi tinggal di Selising juga, yang bongsu [anak terakhir] ini, tinggal di Kota Bahru. Tiada lah, tiga orang lelaki.

A : **Secara umumnya, apakah pekerjaan encik?**

I : (Isteri Ismail mencelah) Buat padi ja lah [ pekerjaan Ismail ialah seorang petani]

F : **Apakah pekerjaan anak-anak encik?**

I : Anak-anak pakcik kerja *gapo* [apa], yang tinggal, (Isteri Ismail mencelah) tak kerja. *Mugo hok tino* [Mujur yang perempuan] (Isteri Ismail mencelah). *Mugo doh nikoh, kahwin, ore laki dio bawok gi jo lah* [Mujur dah kahwin, suami nya bawak pergi]

F : **Adakah ibu bapa encik masih ada?**

I : Tiada dah, meninggal dah. Habis dah tiada dah.

F : **Apakah nama bapa encik?**

PUTERI SAADONG

- I : Nama bapa pakcik, rasa tak silap saya, Deris Bin Merah. Yaa, *ore zamey gituh* [orang zaman dulu] Deris Bin Merah. *Mok tu* [mak pula], Aisyah Binti Awang. Mak pakcik lah, Aisyah Binti Awang.
- F : **Ibu bapa encik berasal dari mana?**
- I : Mak? Mak orang Bukit Yuh. Ya, di Kelantan juga lah dekat Jerteh dah. *Bukit Yuh alek sini pado Jerteh* [Bukit Yuh terletak berhampiran Jerteh]. Ayah saya orang sini. Orang Selising.
- F : **Boleh ceritakan sedikit tentang ibu encik?**
- I : Kerja petani jugak lah. *Buat padi belako lah* [mengusahakan tanaman padi]. Ya, ayah pakcik juga buat padi.
- F : **Pada tahun berapakah encik berkahwin?**
- I : (Isteri Ismail mencelah) Saya *bini* [berkahwin] umur 19, *ore tino* [isterinya] umur 14 (Isteri Ismail mencelah) eh, 16. (Isteri Ismail mencelah) Dia umur 61 dah. Lama dah lah. (Isteri Ismail mencelah) Tak ingat dah, *surat nikoh* [sijil kahwin] tidak tahu ada dimana dah. Dulu tahu juga ada dimana, sekarang tak tahu ada dimana dah.
- F : **Adakah anak- anak pakcik sudah berkahwin?**
- I : (Isteri Ismail mencelah) Kahwin *belako* [semua] dah. Seorang yang tidak berkahwin (Isteri Ismail mencelah) ada seorang tak segar [sihat]. Yang sulung tu kan, otak kurang [kurang waras]. *Masuk wad jiwo sokmo* [selalu dimasukkan ke dalam wad sakit jiwa]. Tidak berapa sihat yang itu.

**A : Boleh saya tahu tentang pencapaian akademik encik? Dari sekolah rendah hingga sekolah menengah.**

I : Dulu pakoik sekolah Selising [Sekolah di kawasan Selising]. (Isteri Ismail mencelah) Dia [isterinya] tidak sekolah (Isteri Ismail mencelah). Orang susah zaman itu, tidak sekolah, nak beri lima sen sepuluh sen *pitih* [duit] payah. Tapi saya pergi makan sekolah [makan di sekolah] bawa nasi bungkus. *Pitih takdok* [tiada duit] orang tua. (Isteri Ismail mencelah) Bungkus dalam *upih* [daun pinang]. *Oyak betul lah* [cerita betul lah] bungkus dalam *upih* [daun pinang] *gitu* [pelengkap ayat]. Daun *upih* [daun pinang] tu, (Isteri Ismail mencelah) daun pinang. Dia *sepat-sepat* [sulam] kulit, ada yang putih dalam itu, dia *buh* [letak] nasi dalam itu, ikan, telur, dia bungkus lah [pelengkap ayat]. Kita *buh* [letak] dalam beg lah [pelengkap ayat]. Lepas itu, air botol, air teh, air teh o sebotol. Dia *bubuh* [letak] dalam beg, bawa pergi sekolah. Tak beri *pitih lah* [duit], *pitih takdok* [tiada duit]. Ya begitu. Janji makan kenyang. Jalan kaki, naik basikal tak pandai, nak beli basikal tak boleh, *takdok pitih* [tiada duit]. Basikal ada dah *tiko tuh* [pada masa itu].

**A : Apakah yang encik lakukan selepas SRP?**

I : (Isteri Ismail mencelah) Ya, tingkatan tiga, sekolah *setakat* [sehingga] tingkatan tiga. Ya, kerja ikut *gi sungai* [menangkap ikan di sungai], *pah* [selepas itu] jual ikan *semeta* [sebentar], *pahtu* [selepas itu], *raio* [merata], kerja rumah batu [kerja membuat rumah], akhirnya buat padi. Petani lah mudahnya, *doh* [pelengkap ayat]

**A : Apakah cita-cita sebenar encik semasa waktu kecil-kecil dahulu?**

I : Cita-cita tu, tak tahu. *Nak oyak tokleh* [nak cakap tak tahu]. Oh begitu? Begitu memang lah nak jadi cikgu kita ni, (isteri Ismail mencelah) askar. Ya nak jadi askar (isteri Ismail mencelah). Boleh Askar Wataniah, dan berapa tahun lepas tu, main dengan seminggu sekali panggil buat latihan, dia bagi elaun batu. Dia kira batu, tidak kira, dia kira macam mana sekarang ni? Ya, dia kira elaun kita duduk sini Pasir Puteh latihan. Dia beri lah berapa sen berapa sen. Payah anak ramai nak makan *takdok* [tiada]. Saya pun *gi* [pergi] Singapura. Ya, kerja Singapura *tiko tu* [pada masa itu], passport (isteri Ismail mencelah), tak silap saya lima [5] ringgit lima tahun. Ya, ada lagi passport saya tapi tak tahu *dok* [letak] mana. Buat sejarah lah. Ya, *pase loke* [memasang saluran peparitan]; buat kerja *nih* [pelengkap ayat] ikat bangunan dengan kayu kan orang nak mengecat tu. Ya, tu lah.

F : **Apakah hobi atau aktiviti encik pada masa lapang?**

I : Ya, sekarang ini? Ya, sekarang tak main dah burung. Dulu ada tiga ekor, *bui* [beri] makan begitu *lah* [pelengkap ayat]. (Isteri Ismail mencelah) yaa, buat padi *gitu* [begitu] *lah* [pelengkap ayat]. Itu enjin padi lah tu. Ya, mesin untuk buat *menabur* [menyemai benih] *so* [satu] (Isteri Ismail mencelah). *Hok* [yang] itu *gumba* [mengepam] air padi *tu* [pelengkap ayat]. *Hok* [yang] enjin satu lagi itu saya buat meracun, *Hok* [yang] ni pakcik buat *menabur* [menyemai benih]. Ya, buat padi lah esok. Mula-mula pakcik berniaga, berniaga dengan *C20* [jenama van] ini ikut kampung itu kan [berniaga di dalam kawasan kampung berhampiran rumaahnya]. Berniaga lama jugak, dua puluh enam tahun [26 tahun]. *Hok kecik-kecik Pakdo gi pulok* [kanak-kanak yang Ismail jumpa semasa berniaga dahulu], dia kahwin, besar



dah kahwin, *kito* [saya] pula pergi makan gulai, tengok cucu pula dia tu *beranak* [melahirkan anak]. Jadinya, tidak berniaga lagi, barang mahal. Barang mahal *tak caro lagi* [tidak mengapa lagi], barang banyak tidak boleh tukar. Telur pecah pun tak boleh tukar, *mampuh* [susah] *kito* [saya] berniaga. *Milo* [jenama minuman] pecah pun tak boleh tukar, minyak *hok* [yang] sekilo tu *kan* [pelengkap ayat] pecah pun tak boleh tukar, yang *speket* [sebungkus] itu, *gat* [habis itu] kita nak, kopi, kopi tin *kepek ko* [kemek ke], orang kampung dia *tokse* [tidak mahu] dah. Pakdo ambil yang lain Pakdo, *tokse* [tidak mahu] *lah* [pelengkap ayat] yang *kepek* [kemek] ini. Kita nak *tahuk* [buang] mana? *Nak pergi tolak mano?* [nak jual kepada siapa?]. Tiada orang nak beli. *Tahuk* [buang] saja. *Biar gi mampuh gitu* [buang sahaja begitu tanpa menjual barangan tersebut]. Dia kata *reboh lah* [susah lah] kita berniaga. Tiada *gie* [bahagian] kita. Kita tak berniaga, kita *tokse* [tidak mahu]. Kita pun buat padi [saya pun menanam padi]. Tapi kita buat padi budak-budak lagi [tapi saya padi sejak remaja lagi]. Selepas itu baru kita berniaga. *Doh tu* [selepas itu] buat padi balik [menanam padi semula]. Ya, itu lah pakciknyanya [begitu lah pekerjaan pakcik masa dahulu]. Tidak, bukan berniaga di Selising, pakcik *bubuh* [letak] dalam *C20* [jenama van] ada kan van buruk itu, penuh barang tu. Ya, bawa dengan van *lah* [pelengkap ayat] *kot kampung* [di dalam kawasan kampung]. Jual dalam kampung buat macam *supermarket* [kedai] dalam kampung. Ya, *pek pek pek* [bunyi hon van] orang *tubik* [keluar] *lah* [pelengkap ayat]. Beli *jaja* [menjaja]. Begitu, sekarang ini tak dah, *pasal* [kerana] barang mahal *belako* [sangat] tak boleh nak tukar, *barang tak boleh nak gi* [barang tak boleh dijual kerana keuntungan yang kurang]. Pakcik pergi *Golok* [nama kawasan di negara Thailand], *Takba* [Takbai, nama kawasan di negara

Thailand] beli barang, pergi *Mulut* [nama kawasan di Negara Thailand], *lagi gapo dio* [apa lagi] tak tahu, tak ingat dah. Pergi *belako* [semua] beli barang. Selepas itu, *bare koho mahal koho mahal* [semakin lama semakin mahal]. Mahal tak apa lagi, tak boleh tukar. Bila barang tak boleh tukar dah minyak empat puluh lebih dah sekotak, boleh *supit* [sebungkus] saja untung [hasil jualan untuk minyak masak Ismail hanya mendapat keuntungan sebanyak sebungkus minyak masak]. Ya, tahun berapa tak ingat, *tika* [ketika] tahun anak saya *mengaji* [belajar] tadika. Ya, lapan puluh lebih. Masa tadika, tadika Selising. Sekarang ini, askar anak saya [bekerja sebagai tentera]. Boleh anak *sore* [seorang] dah [dikurniakan seorang anak].

**F : Berapa ramaikah cucu encik?**

**I :** Cucu ikut *ke* [kan], berapa cucu? Dua puluh lima kah? [bertanyakan kepada isterinya] Dua puluh lima [25 orang] tak silap *ko* [atau] dua puluh empat [24 orang] begitu. Ya, ramai. *Hok* [yang] di rumah ini Sembilan orang *doh* [pelengkap ayat] anak. Sembilan cucu (isteri Ismail mencelah) Ya, dua puluh satu [21 orang cucu] *kito* [saya] pun tak ingat. (Isteri Ismail mencelah) penuh rumah ini. *Hok dok* [yang tinggal] Kuala Lumpur, *hok dok* [yang tinggal] sini *pakat mari penuh belako* [semua datang rumah] (isteri Ismail mencelah). *Kuala Lumpur tiga orang* [anaknya yang tinggal di Kuala Lumpur mempunyai tiga orang anak] askar seorang. *Pahtu* [selepas itu] *hok* [yang] ni seorang tak kahwin [anaknya yang mengalami sakit jiwa]. *Hok tino belako* [yang perempuan semuanya] ini bawak ikut lelaki dia lah. *Dok* [tinggal] Kuala Lumpur *belako* [semua]. *Hok tu* [yang itu] tak silap saya bawa lori [pemandu lori], Johor masuk Singapura. Bawak barang- barang yang buat *platform* [pelantar]

minyak. *Platform* [pelantar] minyak *ke* [pelengkap ayat]. *Hok* [yang] orang *order ke* [tempah] dia bawa pergi *lah* [pelengkap ayat] [jika ada tempahan dia pergi untuk menghantar barangan tersebut]. Menantu, bukan anak. Menantu *hok* [yang] bawa lori itu. Ya, menantu. Selepas itu, anak saya askar *tu* [pelengkap ayat] seorang. Selepas itu, *hok* [yang] di rumah ini, keja besi buruk [mengumpul besi terpakai untuk dijual]. Berniaga besi buruk, kan banyak dalam stor itu. Selepas itu tak *laku* [laris] (bunyi motosikal). Sekarang ini dia beli van. Tiada dah, dia pergi Kuala Lumpur ambil barang eksport [membawa barang untuk dieksport] bawa barang yang dalam kotak-kotak bawa *kelik* [balik] dia pergi hantar lah, sampai dirumah ini dia pergi hantar lah [anaknyanya membawa barang eksport dari Kuala Lumpur ke Kelantan] Jelawat [nama tempat], Tok Bali [nama tempat], Gua Musang [nama tempat] *rato-rato* [dimana – mana] dia pergi hantar. Ya, bawa lori [pemandu lori]. *Hok dok* [yang tinggal] di rumah ini menantu *belako lah tu* [semuanya menantu]. Anak saya, anak pakcik *тино* [perempuan]. *Hok kato тино* [yang dikatakan perempuan] tadi. Mugar [sebab] anak enam orang semua. *Takdok* [tiada] dah, *jate* [lelaki] dua orang. *Hok* [yang] ini seorang, *hok* [yang] askar itu seorang *pah тино belako* [selepas itu perempuan semuanya]. Duduk di Rawang Kuala Lumpur. Ya, kem. Dia bahagian MP [Military Police atau Polis Tentera] Polis Tentera. Ya, dia duduk situ lah. boleh anak seorang [dikurniakan seorang anak]. Selepas itu, dia nak *bini sebelah ore luar* [mahu mencari calon isteri luar negeri Kelantan]. Dia *kelik mari* [pulang ke rumah], abah, *kito nok bini dah* [saya mahu berkahwin]. Orang mana? Dia kata [memberitahu] orang Johor. *Toksah la abah tokse ore Johor kato* [tak payah lah abah tidak mahu orang Johor] biar abah cari lah orang Kelantan. *Pah*

[selepas itu] saya pun cari orang Kelantan. Ya, cari tu keno ko [dapat] *anak hok kito dok jual sokmo dio dok hukar* [kanak-kanak yang bermain ketika Ismail berniaga di kawasan kampung] atas van sampai ke besar [apabila dewasa] dia boleh [mendapat] *staf naf* [jururawat]. Pergi kursus Terengganu [belajar bidang jururawat di Terengganu]. Selepas itu *nikoh* [berkahwin] dengan anak kita kebetulan tengok [melihat] gambar sama gambar nak [melihat gambar masing-masing dan berminat]. Anak kita pun tengok [melihat] *hok tino* [yang perempuan], *hok jate tengok gamba hok tino* [yang si lelaki melihat gambar si perempuan], *hok tino pun tengok gamba hok jate tadi* [yang si perempuan pun melihat gambar si lelaki tadi]. Ya, *kene nok* [berminat]. Boleh anak seorang. Kata Alhamdulillah [memanjat syukur ke Hadrat Ilahi]. Jadi, menantu kita sekarang ini duduk [bekerja] di Hospital Besar Kuala Lumpur *deh* [pelengkap ayat]. Anak kita *hok jate* [yang lelaki] itu duduk [tinggal] di Rawang. Dia kata [memberitahu] sejam perjalanan dengan kereta *dok* [ke] kerja di Hospital Besar Kuala Lumpur. Menantu. *Hok* [yang] bongsu *la ni* [yang ini] kata askar ini. Cucu? Yang ini yang duduk di rumah ini. Cucu? Yang sulung cucu tak sekolah [tamat persekolahan]. *Baru gi satni* [baru pergi tadi] Kuala Lumpur. Ya, habis sekolah dah. Dia pergi kerja di Kuala Lumpur, pergi jual kain baju [berniaga pakaian dan kain]. Tempat mak saudara dia. *Kat mano dok tahu* [dimana tidak tahu]. *Gi satni* [pergi tadi] pukul lapan [8 malam] tadi. *Eh! Umur berapa cucu kita Nekdui?* [nama timangan cucunya] ? [bertanyakan kepada isterinya] (isteri Ismail mencelah). Ya, dua puluh satu [21 tahun]. *Gi ja lah* [sudah pergi ke Kuala Lumpur]. Tadi ada, *pahtu* [selepas itu] pergi malam ini. Malam ni pergi. Itu cucu sulung *lah* [pelengkap ayat]. Ya, kalau *nikoh* [kahwin] boleh *ciak* [cicit] dah, *cucu-ciak* [cucu-cicit]. *Tokse*

*nikoh lagi* [tidak mahu berkahwin lagi] nak cari *pitih* [duit]. Tak tahu ikut dia lah. (bunyi cawan diletakkan). (isteri Ismail mencelah) Pakcik buka ni nak bagi *demo ni* [mereka ini] makan. (isteri Ismail bertanya) Eh *make* [Machang] depan JPJ [Jabatan Pengangkutan Jalan Raya] itu lah? (isteri Ismail mencelah). *Moto tokse mai la abe* [jangan naik motosikal ke sini abang] *bahaya kato* [merbahaya]. Sekarang ini ramai orang mabuk. (isteri Ismail mencelah) Nanti nak *oyak* [cakap], *orang banyak makan kuda sekarang ini* [kebanyakkan anak muda menagih dan mengambil sejenis dadah yang digelar sebagai pil kuda]. Betul *pokcik oyak* [pakcik cakap] *ambil kuda* [menagih dadah pil kuda]. Tak *payah* [usah] naik *laa* [pelengkap ayat] *moto* [motosikal] (gangguan rakaman). Dia bawa [memandu] kereta *mugah* [kemudian] *makan kuda* [menghisap dadah pil kuda] dia *caro tepuh ore* [melanggar pengguna jalan raya yang lain]. Pakcik tidak berani nak pergi *Selising ko* [ke], *Pasir Puteh ko* [pelengkap ayat], nak pergi kedai nanti *ko* [ke], pakcik pergi dengan *gedio* [apa]? Pakcik pergi dengan van [menaiki van]. Itu van pakcik ada. (Gangguan rakaman) Tak berani pergi dengan *moto* [motosikal]. (Gangguan rakaman) Ramai sekarang ini, *hok* [yang] *makan kuda* [menghisap dadah pil kuda] saja tak *kecek plawok* [cakap main-main]. Allah, ramai tak tahu [terlalu ramai]. *Pise* [Buah Pisang] orang *tok lepo* [pantang ditinggalkan], *nyior* [Buah Kelapa] orang curi, *pucuk nyior* [Buah Kelapa Muda] orang curi, kambing curi, ayam curi, lembu curi [mencuri barang milik orang kampung]. (Gangguan rakaman) *Tidok plawok kito oyak tuh* [tidak bercakap bohong]. Padi tak curi (isteri Ismail mencelah) *payah* [susah]. *Mugah* [sebab] padi *nok mencerut* [perlu dicantas]. Tak, yang ini *mesin kete* [mesin mengetam padi] datang potong bawa pergi jual. Ya, tak simpan. Sekarang ini

ramailah orang makan *gotu* [itu] [menghisap dadah pil kuda] abang. Muda-muda lagi mati dah. Budak muda-muda *mati*. Makan *gotu* [itu] [pil kuda]. Tak *lepo belako* [ramai orang muda]. Bukan, *nuh* [pelengkap ayat] tasik. Mati lemas, dia takut polis dia terjun dalam sungai. Sungai itu dalam. Bukan cikgu rasanya, orang lain. (bunyi motosikal) Ya, lari polis. *Tahu tahu*. [kemudian] mati *dok ngapung* [terapung]. *Lajak* [terlalu] takut ke [pada] polis. Anak Kak Da [nama seorang kenalannya], Selising. Yang mati dalam sungai tasik itu. (bunyi cawan diletakkan). Minum *prabih* [habiskan] itu. (Gangguan rakaman) (isteri ismail mencelah) (gangguan rakaman) ada yang (isteri ismail mencelah) (gangguan rakaman) Namo *gedio* [apa] (isteri Ismail mencelah) Ya, Mat Nor, duduk Wakaf Bunut. (isteri Ismail mencelah) Ada cina *tepuh* [berlanggar] dengan Hilux [nama jenama kenderaan] itu *ke* [kan]. Ada dua tiga hari baru ini *hok tubik* [yang keluar] berita *tu ni* [pelengkap ayat] Ya, duduk sini. Mati habis *ke* [pelengkap ayat] anak mati, *bini* [isteri] mati, *tuh* [selepas itu] *laki* [suami] mati (isteri Ismail mencelah). *Bakpo*. [sebab apa] tak mati anak *bini* [isteri] mengandung umur tiga [3] bulan *dok* [duduk] dalam perut. Mati jugak *lah* [pelengkap ayat]. Sekarang ini, budak-budak [remaja] sekarang ini jahat jahat *kato* [kata]. *Puk getoh* [getah skrap] orang curi, *puk getah* [getah skrap] curi. Tak, yang orang toreh. Ya, sudah itu [selesai menoreh] kan orang letak dalam mangkuk *dok* [pelengkap ayat], tuan nak pergi ambil *takdok* [tiada] [selepas pokok getah ditoreh, getahnya akan mengalir ke dalam mangkuk yang diikat pada pokok tersebut, tetapi apabila penoreh tersebut mahu mengumpul hasil torehannya, getah tersebut hilang dicuri oleh si pencuri]. *Berat lo ni* [susah sekarang ini]. *Hok* [yang] pisang pakcik itu berapa tandan. Ya, curi [dicuri orang]. Dia pergi *ngail* [curi] gelap gelap [pencuri

mencuri pada waktu malam] *ke* [kan] orang lain *kelik* [pulang] dia tak *kelik* [pulang] lagi. Tengok pisang *kelap kelik* [tiba-tiba] tiada. Pisang Nangka tiada, curi. Tiada dah pisang aku, tak *pitih* [duit] la aku. *Sekala* [selalu] pakcik pergi jual juga tebang pisang. Beli dua [2] *ya* [ringgit] sekilo. Pakcik pergi jual tadi boleh empat puluh empat [44] *ya* [ringgit]. Tiga tandan. Boleh empat puluh empat [44] *ya* [ringgit]. Ya, boleh guna beli ikan *gapo* [apa] nak buat keja itu. *Mugar* [sebab] padi tidak masak lagi. Lambat lagi. Ya, nak ambil hasil. Jual sini, Padang Pak Amat. Padang Pak Amat jalan Pasir Puteh. Ya, Bernas [nama syarikat beras]. Dia kira sekilo *lah* [pelengkap ayat] dia kira tan *lah* [pelengkap ayat] [beras dikira secara tan untuk jualan]. Satu [1] tan tak kira sepuluh [10] ribu *pitih* [duit]. Ya, lima belas [15] ribu *pitih* [duit]. Penuh van. Ya, banyak. Pakcik jual hari itu, *hok* [yang] mula-mula hari itu, boleh dua puluh enam [26] ribu. Buat yang kedua, boleh lapan belas [18] ribu. *Hok dok tahu* [yang ini tidak tahu]. (ganguan rakaman) Dua kali. Tapi, boleh banyak *nya* [pelengkap ayat] *gebuk gebak* [perumpamaan] habis. Dah [sebab], *hok* [yang] kuat sekali mesin *ngete* [mengetam]. Mesin *ngete* [mengetam] sahaja, dua [2] ribu lebih. Bayar mengupah. *Hok kerat* [yang memotong] padi itu *ke* [kan]. Dua [2] ribu lebih. Tambang van [upah sewa van], seribu [1000] lebih. Tambang van [upah sewa van] bawa pergi jual. Ya, upah lori. Dia, tak silap pakcik, lima [5] puluh *ya* [ringgit] setan. Dah dia muat, dua belas [12] tan. Dua belas [12] tan *kat* [hampir] berapa ribu *pitih* [duit] dah tujuh ratus [700] lebih dah. Mengupah. *Straight* [sehalah]. Kira *straight* [sehalah]. Ya, kaya dia dengan [banding] kita. Kita lelah [penat] buat kerja. Lima puluh [50] *ya* [ringgit] setan *demo* [kamu] bayang *loh* [pelengkap ayat]. Dua kalau [jika] muat dua belas [12] tan berapa dah *pitih* [duit] itu. Ya, *kali* [darab]

dengan dua belas [12] tan. Lima puluh [50] *ya* [ringgit] setan. Ya, *dah* [kemudian] *banyak dia* [pemandu lori lebih untung dibandingkan dengan Ismail]. *Setambun* [selonggok] *pitih* [duit] bayar. Selepas itu menyewa tanah pula. Dua ratus [200] se-ekar. Ya, sawah sewa. Tidak, sewa. *Gebuk gebak* [perumpamaan] habis. Selepas itu, *cabut* [bayar] zakat pula. *Tinggal kerak bahagian kita* [tinggal sedikit duit Ismail]. Boleh buat modal pula, boleh buat makan *samah* [lima puluh sen] *siya* [seringgat] tiada habis *pitih* [duit]. Benih sahaja, pakcik habis tiga ribu tujuh puluh [3070] *ya* [ringgit]. Tiga puluh [30] beg. Ya, sepuluh [10] ekar. Ya, seorang. Pikul [membawa] enjin *sokmo* [selalu] atas belakang sakit habis. Ya, buat kerja. Itu bukan racun, *hok* [yang] ini untuk buat menabur [menyemai benih] padi. *Hok* [yang] *hancur* [rosak] ada atas van, *sebutir* [sebuah] lagi. Cucu tolong sekali-sekala lah. Tolong pergi *menabur* [menyemai benih] *gapo* [apa]. Baja pakcik bawa satu beg (bunyi motosikal) letak atas belakang. *Hok* [yang] penat sekali pikul baja. Pikul baja nak bawa pergi *pasak* [membaja], Allah Ya rabbi. Ya, banyak. Baja semua sekali boleh dekat [hampir] dua ratus [200] beg. Seratus tujuh puluh [170] berapa beg tak tahu. Bawak *sebeg sebeg* [satu beg] letak atas C20 [nama van] *ke* [kan] ada yang buruk itu, bawa pergi lah lima [5] beg, enam [6] beg. Ya, dua puluh [20 kilogram]. Kalau yang baja buah dua puluh lima [25] kilogram *sebeg* [satu beg]. Pikul *sebeg sebeg* [satu beg] pergi atur [menyusun]. Pagi esok kita bawa pergi enjin [mesin] *curah* [letak] dalam itu *lah* [pelengkap ayat]. *Boh* [masuk kan] baja *lah* [pelengkap ayat]. Kalau nak pikul [bawa] *bubuh* [masuk kan] dalam mesin *tok rok lah* [tak buat lah]. Kalau pergi atur [menyusun] petang tidak mengapalah selepas sembahyang waktu Asar *ke* [pelengkap ayat], pakcik pergi atur [menyusun] di atas batas [batas



sawah]. Esok *buh* [letak] baja. Ya, penat. Buat kerja sawah penat. Kita orang tua nak buat kerja, nak buat kerja, tapi kerja tiada. Ya, buat kerja kampung, terpaksa bekerja. Kata biarlah, penat pun kita cari titik peluh kita sendiri. Ya, barang halal tak menyusahkan orang *dok* [pelengkap ayat]. Ya buat kerja. *Galo* [membajak] dengan *kuba besi* [mesin]. Pakcik beli tiga ribu [3000] sekarang ini. *Keto galo* [mesin bajak] yang kecil yang boleh naik macam *kabota* [mesin bajak yang bersaiz besar]. Beli tiga ribu [3000]. Ya untuk membajak. Baru ini pakcik tak beli *keto galo* [mesin bajak] pakcik upah *keto galo* [mesin bajak] sahaja, seribu lima ratus [1500]. Sepuluh ekar *setambun* [selonggok] *pitih* [duit] upah *keto galo* [mesin bajak]. Allah, dua kali buat. Ya, upah *keto kabota* [mesin bajak] yang besar itu *ke* [kan], ya, seribu lima ratus [1500]. Sepuluh ekar. Sekali *galo* [bajak]. Dua kali buat tiga ribu [3000]. tiga ribu [3000] beli habis. Seribu [1000] setengah upah *galo* [bajak], padi benih pula, berapa pakcik *oyak* [cakap] tadi, seribu tujuh ratus [1700]. Ya, upah *galo* [bajak] seribu [1000] setengah, padi benih pula seribu tujuh ratus [1700]. Ya, *sake* [sakan] *pitih* [duit] habis begitu sahaja. Pagi esok *ke* [kan] pakcik pergi sudah [selepas] sembahyang Subuh, pakcik makan, kemudian pergi sawah. Ya, pagi, tengahari panas. Kita pergi *gat* [pada] pukul sembilan [9] sepuluh [10] baliklah. Dia nak *mai* [datang] panas dah. Kita orang tua susah. Ya, penat lah.

**A** : Adakah sebelum ini encik pernah ditemu ramah?

**I** : Tiada.

**A** : Ada berapa versi cerita tentang Puteri Saadong ini?

PUTERI SAADONG

I : Tiada, kita tahu satu sajalah. Satu cerita (isteri Ismail mencelah)

**Bahagian 2 : Asal Usul Puteri Saadong**

**A : Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Puteri Saadong?**

**I :** Ya, dia itu Puteri Saadong itu, saya ingat yang orang tua [ibu bapa] *oyak* [cakap] dia itu ada sini [Bukit Jawa] (isteri Ismail mencelah). Sejarah dia tak tahu *mari* [datang] mana [datang dari mana]. (isteri Ismail mencelah) Tapi kita tahu dia *mari* [datang] duduk sini di gua Bukit Jawa. Ya, jadi nak boleh ke *ambil* [meminjam] barang-barang mangkuk pinggan dia itu banyak lapis juga. Puteri Saadong ini macam kita ada pegawai dia *gapo* [apa] *ke* [kan], ya nak boleh ke masuk jumpa dengan [masuk berjumpa Puteri Saadong], ya, nak boleh sampai ke dia itu. Bukan pergi gua itu tidaklah, dia ada *tapis-tapis* [peringkat] juga lah. Macam kita nak jumpa raja *ke* [kan], jumpa dengan orang ini, jumpa orang ini, baru boleh pergi jumpa dengan dia. Ya, *lagu tuh* [seperti itu]. Ya, istana dia lah situ [Bukit Jawa]. Istana dia *comey* [cantik]. Tidak, dia asal kita ingat dia *mari* [datang] sini dah. Ada dah sini [Bukit Jawa]. Tempat dia ini, *sini* [Bukit Jawa] dah [Puteri Saadong memang berasal dari Bukit Jawa sejak dari kewujudan nya]. Orang tua [ibu bapanya] *oyak* [memberitahu] memang duduk sini dah. (Isteri Ismail mencelah) Ya, dulu dia *mari* [datang] *sini* [Bukit Jawa] dah. Dia *duduk* [tinggal] sini dah. Ya, memang dia duduk sini. *Pasal* [kerana] gua itu *comey* [cantik]. Gua itu besar, lebih kurang rumah saya ini rasa luas lagi rasa dalam itu (isteri Ismail mencelah). Ya, jadi dia, lubang dia sempit saja [pintu masuk ke gua] (isteri Ismail mencelah) sempit saja lubang. Kita pergi kena [hendaklah] pukul sebelas [11] pagi baru nampak cahaya dalam itu [dalam gua]. Kalau pergi pukul dua belas [12] pukul satu [1] pukul dua

## PUTERI SAADONG

[2] tidak nampak. Memang tak nampak dalam itu. Luas, dia ada dengan tingkat [rak] tempat letak barang-barang dia lah *piyok belango* [periuk kualiti] *gapo dio* [apa dia] dalam itu.

**F : Adakah nama gelaran lain bagi Puteri Saadong ini?**

I : Tiada dah. Puteri Saadong saja saya ingat. Ya, Puteri Saadong (isteri Ismail mencelah) permaisuri itu tiada. Puteri Saadong sahaja. Ya, Puteri Saadong.

**A : Adakah Puteri Saadong ini betul-betul berasal dari negeri Kelantan?**

I : Ya, Kelantan, dia mari [datang] di Kelantan ini (isteri Ismail mencelah) Ya, kita ini ambik sejarah pada [dari] orang tua kita lah orang tua kita mati *ke* [kan] jadi kita ingatlah *hok* [yang] dia *oyak* [beritahu] itu. Puteri Saadong ini. Jadi, kebanyakan yang orang datang, datang nak kenduri kahwin ini kan. Jadi orang *mari* [datang] jumpa dengan yang orang luar ini dahulu. *Pok pok* [puak] Puteri Saadong ini nak menyampaikan [bunyi lori] ke Puteri Saadong ini. Misal saya jumpa dengan awak, awak jumpa dengan dia ini dahulu (bunyi kenderaan) baru boleh jumpa dengan Puteri Saadong. Nak pinjamnya, *pingge* [pinggan], *makok* [mangkuk], *senduk*, *sodep* [sudip], *piyok* [periuk], *belango* [kualiti] yang orang nak buat *gular* [rewang] itu. (Bunyi motosikal) Dia beri, ya, nak buat *bekwoh* [kenduri]. Dia beri, bukan tidak beri, tapi kawasan yang meminjam semua dia sayang *ko* [pada] manusia ini. Puteri Saadong. Ya, dia baik, orang baik dia sayang, *ore kecek berkiro denge ore* [berbuat baik pada orang atau tidak kedekut]. Tiada *beke* [garang] *gapo* [apa] *tiada dia* [tidak garang atau sifat jahat yang lain]. Ya, dia *baik kecek* [cakap baik]. *Tiko* [ketika] itu dia boleh *kecek* [cakap] lagi. Cuma dia nak hulur *pingge makok* [pinggan mangkuk]

PUTERI SAADONG

*nya* [pelengkap ayat] wajah dia tidak nampak. Cuma orang nampak tangan *sekerat* [setengah]. (Isteri Ismail mencelah) Ya, orang susah-susah zaman begitulah. (Isteri Ismail mencelah) susah pada kita di sekolah lagi. Ya, sebelum itu lagi.

**F : Dalam anggaran encik, pada tahun berapakah Puteri Saadong dilahir kan?**

**I :** Ya, tidak tahu pula itu. Wallahualam. Ya, jadi sebelum orang yang Bukit Jawa ini buka, Bukit Jawa itu *ke* [kan], orang Jawa buka dia ada dah. Ya, ada dah. Cuma orang tahu Puteri Saadong ada situ. Ya, itu. Tapi tidak tahu pula tahun berapa nak *oyak* [beritahu] tidak bolehlah kita ini. Ya, nak *oyak* [beritahu] tak boleh. Ya, *lama tak boleh* [tidak tahu].

**A : Adakah benar bahawa Puteri Saadong ini orang ghaib atau Jin Islam?**

**I :** Tapi kita rasa Puteri Saadong ini orang, orang ghaib. Orang ghaib ini macam orang wali-wali Allah juga. Ya, bukan jin *gapo* [apa], tak. Kita kata orang wali-wali Allah juga dia ini. Ya, orang ini, orang Puteri saadong ini orang warak. Orang *comey* [baik]. Orang sembahyang tak tinggal. Puteri Saadong ini. Orang *paras-paras* [setaraf] wali dia ini. Ya, bukan orang main-main tak.

**A : Dikatakan Puteri Saadong ini mempunyai kuasa mistik seperti mampu ghaib, benarkah?**

**I :** Ya, dia boleh ghaib.

**F : Dikatakan Puteri Saadong berasal dari keturunan Raja Loyar, benarkah?**

I : (isteri Ismail mencelah) Ya, yang itu kita tidak tahu. Kita nak *oyak* [beritahu] tidak boleh. Yang itu *pasal* [tentang] Raja Loyar ini kita nak *oyak* [beritahu] tidak tahu saya. (Isteri Ismail mencelah) Ya, sejarah kita tahunya sejarah Puteri Saadong sahaja. Ya itu ja benar. Tapi *titih* [keturunan] dia kita tak tahu. Kalau ada Che Yah ini dia tahu. (isteri Ismail mencelah) Ya, *mugar* [sebab] Che Yah ini mati *gu* [kawan] kita (isteri Ismail mencelah). Ya dia tahu. Dia itu orang dekat dengan wali Allah. Duduk dengan dia. Dia semua dia tahu *belako* [semua]. (Isteri Ismail mencelah) *Sakle sakle goni* [soalan-soalan begini] orang ghaib semua dia tahu (isteri Ismail mencelah) keturunan dia. Tapi dia tiada dah dia meninggal. Ya, kalau dengan dia, dia *oyak* [beritahu] habis. (Isteri Ismail mencelah) Ya, baru. (Isteri Ismail mencelah) Ya, dia tahu *belako* [semuanya] (isteri Ismail mencelah) wali-wali Allah. Ya, dia *sabat* [sahabat] dia tahu *belako* [semuanya] (isteri Ismail mencelah). Puteri (isteri Ismail mencelah) Mayang Suri, Mayang *gapo gapo* [apa-apa] (isteri ismail mencelah) Mayang sari dia tahu *belako* [sangat] (isteri Ismail mencelah). Ya, dipergi dimana, *pene* [Pulau Pinang] Bukit Bunting, tak tahu tak *reti* [tahu] nak sebut. Ya, dia tahu *belako* [sangat] (isteri Ismail mencelah). Tapi dia sudah meninggal tak boleh nak cakap kita. Ya, dia cerita pun kita, ya, tak ingat *lah*. [pelengkap ayat]. Ya, dia itu dia *oyak belako* [beritahu semua] (isteri Ismail mencelah) *hok* [yang] dia kata *hok* [yang] pergi *Gemulah* [Che Yah] *oyak* [beritahu] dia kata *hok* [yang] mana pergi *pene* [Pulau Pinang] itu *ke* [kan] pergi di telaga (isteri Ismail mencelah) Pulau Langkawi itu dok [pelengkap ayat] di telaga *gapo dio ni* [apa] (isteri Ismail mencelah) telaga, *alah* [mengeluh] puteri *gapo dio* [apa] dia kata bukan telaga yang orang bina it, *dok* [bukan] itu Pak do, *dale nuh hok dio*

PUTERI SAADONG

[didalam itu]. *Hok tu* [yang itu] orang bina kerajaan *susut* [sorokkan] [telaga sebenar disorokkan oleh pihak kerajaan, dan yang ditunjukkan pada khalayak ramai adalah telaga yang dibina semula oleh pihak kerajaan]. *Tu hok dio nya dio kato* [itu cerita yang sebenarnya]. *Gemulah* [Che Yah] ini *oyak lah* [beritahu] (isteri Ismail mencelah) *gu kito* [kawan saya] (isteri Ismail mencelah) tiada dah dia mati (isteri Ismail mencelah).

**A : Benarkah Puteri Saadong ini sangat cantik?**

I : Ya, memang *comey* [cantik] orang itu (isteri Ismail mencelah) orang *comey* [cantik]

**F : Adakah dia mempunyai adik-beradik yang lain?**

I : Tiada *lah* [pelengkap ayat]. Ya, tapi ramailah sahabat-sahabat dia (isteri Ismail mencelah) itu dalam gua itu bukan dia seorang *dok* [tidak], dia ramai sahabat-sahabat dia itu. Ya, begitu.

**A : Adakah Puteri Saadong memakai pakaian tertentu?**

I : Ya, pakaian dia. Pakaian dia orang kata, rasa tak silap kita pakaian dia *demo ni oyak* [mereka memberitahu] warna putih tak silap dia pakai. Ya, dia pakaian putih biasa *gitu* [begitu]. Ya, *gitu* [begitu]

**F : Apa encik tahu tentang perkahwinan beliau?**

I : Tiada. Ya, wujud sini [Bukit Jawa].

**A : Adakah Puteri Saadong ini berasal dari kerajaan Jembal?**

I : Tidak. Tapi *titih* [keturunan] dia kita tak tahu (isteri Ismail mencelah). Ya tidak. Tapi sekarang *laa* [pelengkap ayat] ini dia *nya* [pelengkap ayat] lepas pada beri *pingge makuk* [pinggan dan mangkuk] *kok ore ni* [pada penduduk kampung] dia buat *molek* [baik] dengan orang kampung. Beri semua barang. Ya, layanan dia *molek* [baik] dia beri. Barang-barang dia, dia tak sayang dia beri [tidak lokek memberi barangnya kepada penduduk kampung untuk dipinjam]. Tapi masalah pengguna, orang kita ini, pecah *lah* [pelengkap ayat], senduk *lah* [pelengkap ayat] sudu dia tidak hantar (bunyi kereta) *piyok* [periuk] ini bila tidak hantar [tidak memulangkan semula barang yang dipinjam dari Puteri saadong], dia marahlah barang dia. Kalau pergi *oyak* [beritahu] *takpo* [tidak mengapa], ini tak *oyak* [beritahu]. Pergi hantar setengah-setengah [hanya memulangkan sebahagian dari barang yang dipinjam]. *Ho tu benor nya* [ya, itu cerita sebenarnya]. Bila dia hantar setengah barang dia tiada, memang dia *bile* [kira] barang kita *bile* [kira] *dok* [pelengkap ayat]. Ya barang kita. Dia pun dia *bile* [kira]. *Pah bile bile* [selepas mengira] barang tak cukup. Ya, bila tidak cukup itu, marahlah. Ya, bila marah tadi, orang nak datang lagi pinjam, dia *tokse* [tidak mahu] beri *sahaja*. (Bunyi kereta). Bukan *tokse* [tidak mahu] beri, dia pun duduk tidak lama *takdok* [hilang]. *Takdok* [hilang] selepas itu dia *pun* [pelengkap ayat] pergi duduk di Bukit Marak. Ya, Bukit Marah *nuh* [pelengkap ayat].

F : **Semasa dia menetap disini, benarkah putera-putera raja ingin memperisterikan Puteri Saadong?**



I : Ya, tapi ketika itu yang raja nak *nikoh* [berkahwin] dengan dia kita tak tahu yang itu. Tapi kita tahu sejarah yang itu sahaja. *Hok* [yang] nak *nikoh* [berkahwin] tak tahu (isteri Ismail mencelah). Ya, tidak boleh nak reka cerita (isteri Ismail mencelah). *Tokleh* [tidak boleh] dia marah (isteri Ismail mencelah). Ya, cara-cara dia (isteri Ismail mencelah) (bunyi motosikal). Ya, orang takut. Ya, tidak boleh main sebarang *goni* [benda begini] (isteri Ismail mencelah) orang ghaib ini (isteri Ismail mencelah). Ya, tidak bolehlah (isteri Ismail mencelah). Ya, cuma kita tahu sejarah orang tua *oyak* [beritahu] *lagu tu* [begitu] (isteri Ismail mencelah). *Tokleh* [tidak boleh] (isteri Ismail mencelah) kita nak *kecek plawok* [cakap tidak benar] tidak boleh kita tidak berani nak *kecek plawok* [cakap tidak benar]. Tapi kita *oyak* [beritahu] ini *hok* [yang] betul *lah* [pelengkap ayat] ini. Sejarah orang tua *oyak* [beritahu] (isteri ismail mencelah). Selepas itu *hok ore* [yang orang] tidak pergi hantar *dok* [pelengkap ayat], barang-barang dia, dia pun lari duduk di Bukit Marak. Ya, lama juga duduk di Bukit Marak. Selepas itu orang buat juga *lagu tu* [seperti itu] juga. Di Bukit Marak. Pinjam barang-barang dia, tidak hantar juga. Dia pun lari sekarang ini, sekarang ini ada. Duduk di Gunung Ayam dalam Pahang. Ya, Pahang. Dia duduk Pahang *loni* [sekarang ini]. Jauh, di Gunung ayam. Orang *oyak* [beritahu] *lah tu* [begitu] (bunyi motosikal). Dia memang dia ada, (bunyi motosikal) orang *goni* [begini] memang dia tidak mati. (bunyi motosikal) Ya, dia orang ghaib. Tidak mati.

F : **Ada tak makam Puteri Saadong?**

PUTERI SAADONG

- I : Ya, tiada [tiada makam Puteri Saadong]. Dia tidak makan tidak *gapo* [apa], tapi dia *ada* [wujud]. Ya, dia itu ada.
- F : **Boleh kami tahu ada ke tidak pantang larang yang ditetapkan Puteri Saadong terhadap penduduk kampung di sini?**
- I : Tiada. (Isteri Ismail mencelah) *takdok khenak kok ore* [tidak berbuat perkara jahat kepada penduduk kampung]. (Isteri Ismail mencelah) ya, *takdok* [tiada]. *Takdok la* [tiada lah] macam kita bawa pisang *ko gapo ko* [atau apa-apa] *takdok* [tiada]. Cuma orang pergi itu *kecek* [bercakap] itu nak *pinge* [pinggan] nak buat *bekwoh* [kenduri] itu sahaja. Dia beri. Ya, *lagu tu lah* [seperti itu]. Ya, sini. Bukit Jawa ini.
- F : **Bilakah Puteri Saadong ini akan memunculkan dirinya ketika berada di kampung ini?**
- I : Tapi *demo ni oyaknya* [mereka memberitahu] dia *tubiknya* [keluar] *hok* [yang] dia beri *pingge makuk*. [pinggan dan mangkuk] *sekerat* [setengah] itu saja nampak. Tapi, *hok* [yang] dia *tubik* [keluar] bulan mengambang *gapo* [apa] *takdok oyak hat tu* [tiada orang memberitahu seperti itu]. Kita tidak tahu *hok* [yang] itu. (Isteri Ismail mencelah). *Tok bui lain hok tuh* [tidak diberitahu]. Ya, tiada. Ya, dia beri *pingge makuk* [pinggan dan mangkuk] sahaja.
- A : **Apakah contoh barang-barang yang disediakan oleh Puteri Saadong untuk penduduk kampung ini?**
- I : *Puyok* [Periuk] (Isteri Ismail mencelah) *gelah* [gelas], (Isteri Ismail mencelah) *pingge, orang nok bekwoh lah-* [Puteri Saadong menyediakan pinggan dan barangan

dapur lain untuk penduduk Kampung Bukit Jawa bagi tujuan rewang persediaan sebelum kenduri]. *Sudu, sodek, [sudip]* (Isteri Ismail mencelah). *Ya, orang pergi hantar yang sumbing mana boleh, dia kalau boleh nak ambil, kena belilah, kena ganti lainlah* (bunyi lori lalu berhampiran rumah Encik Ismail), *ikutlah pinggan ke apa pun, kena ganti ke dia-*. [Kebanyakan penduduk Kampung Bukit Jawa yang meminjam barangan dapur dari Puteri Saadong tidak menjaga barangan tersebut dengan baik, sehingga terdapat barangan yang rosak seperti pinggan yang sumbing. Encik Ismail menegaskan bahawa sesiapa sahaja yang bertanggungjawab atas perlakuan itu, haruslah menggantikan barangan dapur yang rosak itu dengan barangan dapur yang baru kepada Puteri Saadong]. (Bunyi pintu ditutup) *Ha lagu tu* [ya begitu].

**F : Adakah Puteri Saadong melawat ke Kampung Bukit Jawa ini semula setelah dia berhijrah ke Bukit Marak?**

**I :** (Bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Encik Ismail) (Cucu Encik Ismail merengek) *Ya, tak ada dah, tak mari dah* [Encik Ismail mengiyakan bahawa Puteri Saadong tidak lagi bertandang ke Kampung Bukit Jawa setelah dia berhijrah ke Bukit Marak] tidak, pakai tinggal, t inggal terus, [Puteri Saadong terus meninggalkan Kampung Bukit Jawa ini] (isteri Ismail mencelah) dia marah, tinggal terus, tak mari terus. [Encik Ismail menegaskan bahawa Puteri Saadong tidak lagi kembali ke Kampung Bukit Jawa setelah berpindah ke Bukit Marak].

**F : Adakah terdapat tempat yang menjadi kegemaran Puteri Saadong di Kampung Bukit Jawa ini? Seperti tempat mandi atau bermain.**

PUTERI SAADONG

- I : Eh! Rasa tempat mandi tak ada fasal Bukit Jawa itu tahu tempat dia mandi ke tak, tetapi ada la *cerung* [cerun] tempat air tu. Air- *nilih* [meleleh], air *ko* [apa] panggil *air godia?* [air apa ya?] Air bukit. (Isteri Ismail mencelah) Ya, dia air bukit ada *nilih* [meleleh] begitu. Air bukit tu. [Encik Ismail tidak pasti samada terdapat tempat kegemaran Puteri Saadong di Kampung Bukit Jawa ini atau tidak, tetapi Encik Ismail mengusulkan bahawa di Gua Bukit Jawa itu terdapat air terjun kecil, air bukit yang mengalir melalui dinding bukit, kebiasaannya terdapat di sekitar perbukitan dan pergunungan, Encik Ismail beranggapan bahawa di situlah tempat Puteri Saadong mandi].
- A : **Adakah Puteri Saadong pernah keluar bersiar-siar sekitar kampung?**
- I : (Encik Ismail menidakkan), tak ada tak ada. Tapi, dia tak *saing* [bergaul] dengan orang kampung, rasa-rasa, Cuma dia duduk di dalam itu sahaja. Ya, dia tolong orang kampung sahaja- *wak make gapo* [buat makan dan sebagainya]. (Isteri Ismail mencelah). *Ho, comey, dia gegitu nyah, bukit tu.* [Encik Ismail mengiyakan kata-kata isterinya yang mengatakan Kawasan Bukit Jawa itu cantik semasa keberadaan Puteri Saadong di situ]. (Isteri Ismail mencelah). Tempat dia duduk ada *so* [satu] lagi batu *tinde* [bertindan], *alike blake kubo tuh.* [Di bahagian belakang kawasan perkuburan yang terdapat berhampiran dengan Bukit Jawa, ada batu bertindan]. (Isteri Ismail mencelah) *Tinde batu tu, tepak dia bahkali dia maing situ* [Barangkali batu bertindan itu tempat Puteri Saadong bermain]. Puteri Saadong duduk main atas batu *tinde* [bertindan] itu (Isteri Ismail mencelah). Tapi kita nak naik kena pakai *siga* [Sigai atau nama lainnya adalah tangga]. Ada *siga* [tangga semulajadi dibentuk oleh batu-batu gua di Gua Bukit Jawa yang menuju ke atas batu bertindan] *tinggi*

*tu, kita nak naik duduk di atas* [Untuk menaiki batu bertindan itu, haruslah menggunakan tangga batu yang terdapat di situ kerana ianya tinggi]. Dia batu *ngapa* [menghampar] *batu besar* [Batu bertindan itu adalah sebuah batu hampar yang luas]. Jadi gua tu rendah *sikek* [sikit], (bunyi televisyen) batu *tinde* [bertindan] itu tinggi.

**F : Adakah orang yang belajar silat yang pergi bertapa di atas batu bertindan tersebut?**

**I :** Ya, itu orang, jenis orang bertapa dua minggu, tiga minggu.

**A : Adakah terdapat individu-individu yang pergi ke Gua Bukit Jawa untuk melakukan perkara khurafat seperti meminta nombor ekor?**

**I :** (Ismail menafikan) *Dia* [orang yang pergi bertapa] bawak *bertih* [beras] sahaja, dia pergi bertapa, makan dia bertih dengan *air* [air kosong] sahaja.

**A : Bolehkah encik jelaskan tentang sigai yang encik sebutkan tadi?**

**I :** Batu *tinde* [bertindan] kita panggil itu. Batu bertindan itu bila kita naik di atas itu kita boleh tengok air laut Bachok, *kawase nu boleh napok blako* [Apabila kita berada di atas batu bertindan itu, kita boleh nampak kawasan-kawasan yang berhampiran seperti laut Bachok yang terletak sejauh dua puluh satu kilometer dari Gua Bukit Jawa] air laut, dia atas *batu tinde tu nak oyak* [batu bertindan tu, nak bagitahu], dia ada gelung air sikit, ada air. Macam *telago* [perigi], *ha mace makok la* (Encik Ismail mengiyakan) [geluk air dibentuk oleh batu gua di atas batu bertindan itu, ianya menyerupai mangkuk]. Tempat *dia* [Puteri Saadong] duduk *situ* [di atas batu bertindan], tempat *dia* [Puteri Saadong] rehat *ko gapo* [atau apa sahaja],

*situ lah dia duduk nyah* [di situlah Puteri Saadong duduk bersantai], *pasa alek bawah ni* [kerana di bahagian bawah batu bertindan ini], *gua, atah sikek tu batu tinde* [batu bertindan itu terletak di bahagian atas Gua Bukit Jawa], *dia berepek la duo tu duduk tuh* [batu bertindan dan Gua Bukit Jawa terletak berhampiran]. *Bahkali* [Barangkali] mungkin kita rasa Puteri Saadong pun duduk *atas tu juga* [atas batu bertindan] *kalu* [mungkin] (Ismail tidak pasti), *atas batu tinde tu* [batu bertindan] itu. Tapi tak ada keluar *kot kapung* [sekitar kampung], *dia duk situ jah* [Puteri Saadong duduk di kawasan Gua Bukit Jawa sahaja].

**F : Adakah terdapat kisah aneh yang berlaku kepada sesiapa yang pergi ke Gua Bukit Jawa? Seperti sesat di kawasan itu atau apa-apa peristiwa pelik.**

**I :** Eh! Tiada. (Isteri Ismail mencelah) (Encik Ismail membantah usul isterinya yang mengatakan ada orang hilang di Gua Bukit Jawa semasa matahari terbenam) *Susuk jatuh* [sebelah matahari terbenam] *sebalik ni* [Kisah orang hilang sebelah mata hari terbenam itu bukan berlaku di Bukit Jawa]. (Isteri Ismail mencelah) Tak ada buat *kenat* [khianat] dekat orang *dia* [Puteri Saadong] itu.

**F : Adakah masih terdapat barang-barang Puteri Saadong di gua tersebut?**

**I :** (Bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) *Bare? Pige makuk?* [Barang? Pinggan Mangkuk?] Tak ada dah, Tak ada *abih* [habis] dah. *Como* [Cuma] tempat letak *pingge makuk* [pinggan mangkuk] tu ada lah. Ya, tempat letak barang dia, (Ismail mengiyakan) *mace paro* [tempat meletak barangan dapur Puteri Saadong di Gua Bukit Jawa adalah seperti para atau rak meletak pinggan di dapur] dia. (Ismail mengiyakan) *ada lah, ada* [Ismail mengiyakan rak tempat meletak pinggan mangkuk Puteri Saadong di Gua Bukit Jawa itu masih ada lagi] ada, kita masuk dah

lah. *Buke* [Bukan] *kayu*, *batu* [Rak tempat meletak barangan dapur oleh Puteri Saadong bukanlah kayu, sebaliknya batu]. Batu *cokoh-cokoh* [sebijik-sebijik]. Tapi batu tu bukan tinggi *gituh* [begitu] (sambil menuding jari kepada almarinya yang tinggi), *lekok gini* [lengkung begini] (Ismail membuat bentuk mangkuk dengan tangannya), sama tempat dia letak pinggan mangkuk kan. Macam almari tempat letak *go tu* [seperti] toto, *ha mace dapo* [Ya, seperti kabinet dapur] Dia *bare* [barang] banyak, *bare pingge makok-* [barang pinggan mangkuk-] Puteri Saadong ni. Sebab *bekwoh* [rewang], banyak, banyak *bare-bare* [barang-barang] dia banyak, *ha jame gitu* [ya, zaman itu] (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail).

**A : Apakah sebab orang yang belajar silat memilih tempat itu untuk bertapa?**

I : (Isteri Ismail mencelah) (Encik Ismail cuba mengingati) *Khianat* [penduduk Kampung Bukit Jawa yang meminjam barang dapur dari Puteri Saadong melakukan khianat dengan tidak menjaga barang yang dipinjam dengan baik sehingga ada yang sumbing]. *Dia* [Puteri Saadong] kalau sumbing tu, tak kira *pingge* [pinggan] mana pun suruh pergi *tuk-* [tukar-], itulah, gantilah, kalau sumbing, suruh ganti (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) tak ganti, *royak* [bagitahu] pun tak pada dia (Isteri Ismail mencelah) Tapi *dia* ini [merujuk kepada arwah Kak Yah, kenalan pencerita, orang yang selalu bertapa dan bersahabat dengan Wali Allah, Kak Yah tinggal di Pendek, Kelantan yang terletak sejauh dua puluh lima kilometer dari rumah Ismail di Kampung Bukit Jawa, Selising, kelantan] kalau sebelum mati-- dia mari *sokmo* [selalu] rumah kita sini (isteri Ismail mencelah) (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) tapi dia, orang- (Isteri Encik Ismail mencelah) orang *saing* [bersahabat] dengan orang panggil *Tok Yah Same* [orang ghaib yang

bersahabat dengan Kak Yah] *dia* ni [Kak Yah], orang wali Allah, *orang* [Tok Yah Same dipercayai wali Allah oleh Ismail] duduk dengan *dia* [Kak Yah], (Isteri Ismail mencelah) mari *sokmo* [selalu] rumah kita. Dia *duk budok* [sejak kecil] lagi wali Allah duduk dengan *dia* [Kak Yah], orang panggil Tok Yah Same orang ghaib tu. (Isteri Ismail mencelah) Semua *dia* [Kak Yah] tahu, tahu *habih* [segalanya tentang sejarah termasuk sejarah Puteri Saadong dan hal ehwal agama]. Dia jenis orang *tapo* [bertapa].

**F : Adakah Puteri Saadong ini ada kaitan dengan Ulek Mayang?**

**I :** *Ho tahu blako* [Ya, Kak Yah memang tahu banyak perkara], (Isteri Ismail mencelah) dia [Kak Yah] mari sini *royak crito* [bercerita tentang pengalaman dia bertapa] kan, *ralik* [asyik] dengar (Isteri Ismail mencelah) (Bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) dia *tue* [tuan] *dia* [Kak Yah] tu [tuan yang dimaksudkan pencerita adalah Tok Yah Same, orang ghaib yang bersama Kak Yah semasa bertapa], *time* [semasa] *puteri* [Puteri Saadong, bunian dan sebagainya] *pakaiye* [berpakaian] orang tua, pakai orang tua, *pakaiye* [berpakaian] *jangkok gak jangkok* [cantik, dia pakai cantik]. Kalau *pakaiye* [pakaian] puteri gak *jangkoklah* [cantiklah] dia. [Semasa bertapa, Kak Yah didampingi oleh pelbagai jenis puteri, termasuk bunian, Saadong dan Mayang Sari megikut setiap tempat yang dihadapinya. Tok Yah Same yang mendampingi Kak Yah akan mengenakan pakaian mengikut pakaian puteri sewaktu bertapa. Contohnya, jika Puteri Saadong yang berada di tempat Kak Yah bertapa memakai pakaian yang cantik, maka Tok Yah Same juga akan memakai pakaian cantik]. Yang kata yang mati *gemuloh* [arwah Kak Yah] ni (Isteri Ismail mencelah) setahun [1 tahun] tak habis lagi. (Isteri Ismail mencelah) dia *gini*



[macam ni], *dia tapo* [Kak Yah bertapa] bukit Gunung Ayam dalam Pahang, selepas itu Gua Musang, tempat, eh! Bukan. (Ismail tersasul dan cuba mengingati nama tempat Kak yah bertapa) Dia orang *tino* [perempuan] sahaja, tapi dia *tapo* [bertapa]. (Isteri Ismail mencelah) *orang ghaib bawak pergi* [orang ghaib membantu Kak Yah dalam perjalanannya untuk pergi bertapa]. (Isteri Ismail mencelah) *Tok Yu Yah* orang panggil (Isteri Ismail mencelah) [gabungan nama Kak Yah dan orang ghaib yang mendampinginya, Tok Yah Same. Lalu Kak Yah juga dikenali sebagai Tok Yu Yah oleh penduduk Kampung Bukit Jawa], Tok Yu Yah duduk dengan dia, *orang wali Allah* [Tok Yah Same] (Isteri Ismail mencelah). Ada gambar dia. Tak ada dah, dia mati dah. (Isteri Ismail mencelah) Itu gambar dia. Kita ingat *sokmo* [selalu] pada *dia* [Kak Yah] (Ismail mencelah). (Ismail menunjukkan gambar Kak Yah) Ni dia, ni gambar dia, gambar *saing* [sahabat] pak cik itu, yang dia sudah meninggal, dia tahu *belako* [segalanya tentang sejarah puteri ghaib dan hal-hal agama] itu sejarah (Ismail menunjukkan gambar Kak Yah, wanita berumur lingkungan empat puluh-an) (isteri Ismail mencelah) tapi dia gi *tapo* [bertapa] pun seorang pun, *mugo* [sesungguhnya] ada wali Allah dengan dia, orang panggil Tok Yah Same, duduk dengan dia, orang ghaib, *orang Melayu kita* [Kak Yah adalah orang Melayu]. Orang sini orang Pendek (Isteri Ismail mencelah) semua dia tahu belaka (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail). Tak ada silat dia, (isteri Ismail mencelah) *Tok Yah* [Tok Yah Same] *sakni* [tadi] kita kata Tok Yah Same *sakni lah* [tadi lah] wali Allah duduk dengan *dia* [Kak Yah], orang ghaib. Tak (Isteri Ismail mencelah) *duduk dengan dia* [Tok Yah mendampingi Kak Yah], *duduk* [sejak] kecil lagi, wali Allah duduk dengan dia, ini. (Isteri Ismail mencelah). *Dia*

[Kak Yah] umur berapa belas tahun tak tahu dia mengajar dah ayat Al-Quran dekat orang, dia tak mengaji, (Isteri Ismail mencelah) tapi orang, *wali Allah tu* [Tok Yah Same], *royak* [beritahu] kepada dia “suruh baca surah ni, surah ni” [Tok Yah Same mengajar Kak Yah membaca surah-surah di dalam Al-Quran], orang ramai dengar mengajar [ramai yang menyertai semasa Kak Yah mengajar] (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) ni. *Teko* [Ketika] itu dia budak, umur berapa belas tahun, dua belas tahun [12 tahun] belas tahun tahu (Ismail tidak pasti akan umur Kak Yah ketika itu) (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) dia mengajar (isteri Ismail mencelah) (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) tak ada dah dia, mati. Dia mari *sokmo* [selalu] rumah kita sini *kekade* [kadang-kadang] dia mari makan nasi *gapo* [dan sebagainya] rumah kita (isteri Ismail mencelah). Ni *Deloh*, apo ni, *Rajo Deloh*, *demo* [awak berdua, merujuk kepada kami, Anas dan Faris] tahu *Rajo Deloh?* [Raja Abdullah]. (Isteri Ismail mencelah). *Rajo Deloh* [Raja Abdullah] menikah dengan Mayang Sari (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) yang mati, yang dia tikam dengan sanggul *tok laki* [suami] dia [kisah Mayang Sari menikam suaminya, Raja Abdullah dengan sanggul] (isteri Ismail mencelah), ni sini, ada *alek belake-* [sebelah belakang] mana rumah poksu tu? (Ismail meminta kepastian dari isterinya akan tempat Raja Abdullah). Yang mati tu *Rajo Deloh* [Raja Abdullah] tu. (Bunyi kenderaan) Ya, Raja Abdullah (isteri Ismail mencelah).

**A : Daripada pembacaan kami. Adakah benar Puteri Saadong yang berkahwin dengan Raja Abdullah?**

I : Tidak, (Isteri Ismail mencelah) bukan Puteri Saadong (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) *dia* [Mayang Sari] bunuh *tok laki* [suami] dia ni, dengan sanggul. Ada kubur dia ni. (Ismail cuba mengingati tempat Raja Abdullah sambil meminta kepastian dari isterinya), (isteri Ismail mencelah) rumah *Poksu* [kenalan Ismail], *godia* [apa dia] Poksu yang *buruk* [rumah buruk] tu? (Ismail cuba mengingati nama kampung tempat Raja Abdullah) Kampung *godia* [apa] tak ingat dah wei, *Chengal* [Kampung Chengal yang terletak sejauh sepuluh kilometer dari Kampung Bukit Jawa] (Ismail teruja setelah berjaya mengingati nama kampung tempat Raja Abdullah). Awak pergi *Padang Melor* [terletak berhampiran Kampung Chengal], Melor (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail). Selepas daripada *Api Stok* [nama tempat sebelum sampai ke Kampung Chengal jika melalui dari Kampung Bukit Jawa], awak gi *sekerak* [separuh jalan] itu, dia ada tulis, *Abdullah Mangkat*, [Jalan Abdullah Mangkat]. Jalan. Ada lah *kubur dia* [makam Raja Abdullah] situ (Isteri Ismail mencelah), *bukan tok bomoh tidak* [Ismail membantah usul isterinya yang mengatakan Poksu yang tinggal berhampiran makam Raja Abdullah itu adalah seorang bomoh] (Isteri Ismail mencelah).

F : **Adakah Puteri Saadong meghaibkan diri semasa dia berada di Gunung Ayam di Pahang dan pergi ke tempat lain?**

I : (Bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) *Duk sano kali, demo ni kato "ada duk sano"*. [Puteri Saadong duduk di sana barangkali, orang kata "dia menetap di sana"].

F : **Adakah Puteri Saadong masih melawat kampung ini setelah dia berhijrah ke Gunung Ayam?**

Ya tak ada dah, lama dah wujud tak mari dah ke sini, tak mari siki-- tapi gua tu, kalau kita duduk di luar, bau tahi kelawar, kuat bau tahi kelawar, banyak, masuk dalam bau sedap, *tak bau sikit habuk* [tidak berbau busuk walau sedikit], wangi, dalam, tempat dia. Luar ni kuat bau. Tahi kelawar dia *tubik* [bau tahi kelawar menerobos] ikut celah-celah batu tu kan, gua tu, bau lah, masuk dalam tak bau, kuat dia, kelawar banyak dalam tu. Tapi takut kita nak masuk, *sawo* [ular sawa] pun ada, beruk masuk dalam *sawo* [jika beruk masuk ke dalam gua tersebut] *pakai belit selalu* situ [kemungkinan besar beruk itu akan dibelit oleh ular sawa yang berada di dalam Gua Bukit Jawa itu] (Isteri Ismail mencelah).

**F : Adakah benar Puteri Saadong akan memunculkan dirinya untuk memberi petanda bencana bakal berlaku di kampung ini? Seperti banjir besar atau serangan Jepun.**

I : Tak *ajin* [pernah] dengar seperti itu, cuma dia mari tu, sebelum Jepun lagi tu dia ada dah, orang turun menurun lagi. (Ismail mengiakan bahawa zaman Puteri Saadong adalah sezaman dengan zaman Hang Tuah iaitu pada abad ke lima belas Masihi) tu dia. Macam Hang Tuah, sejarah dia ada. *Bare* [Barang] duduk sini.

**F : Adakah orang kampung masih ternampak kelibat Puteri Saadong?**

I : Tak ada dah.

**F : Adakah benar Puteri Saadong pernah diculik Raja Siam?**

I : Tidak, (Isteri Ismail mencelah) Mayang Sari. Yang ini Puteri Saadong. Yang itu orang Thailand *dia* tu [Mayang Sari] asal tu, dia mari sini. Raja Siam [Pencerita menegaskan bahawa Mayang Sari bukanlah Puteri Saadong. Mayang Sari berasal dari Thailand dan datang ke sini]. (Isteri Ismail mencelah) *Maye* [Mayang] tu *maye*

[mayang] diumbuk tu Terengganu. Terengganu. Ya ulek, kalu ada angin tak khabar tu [jika terlalu asyik dengan tarian, minda penari Ulek Mayang akan berada di bawah sedar] (Isteri Ismail mencelah) Mayang diulik tu, mayang diulik tu kan. Kalau, orang sebut duduk menyanyi yang tu ramai orang tak khabar. Die *masuk-syeikh* [tahap asyik sehingga minda berada pada separa sedar]. *Mace Do Kepe* [seperti penari Kuda Kepang], dan dia masuk syeikh jadi *tak khabar orang* [penari Ulek Mayang dalam keadaan asyik dan berada dalam separa sedar]. Ya *Tranung* [Terengganu], Ulek Mayang.

**A : Adakah Puteri Saadong ada kaitan dengan tujuh [7] Puteri Ulek Mayang?**

**I :** Eh, dia tak ada. (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail) Dia *suku-suku* [tiada kena mengena], Puteri Saadong ni dia *suku-suku* [tiada kena mengena dengan tujuh Puteri Ulek Mayang] (bunyi kenderaan lalu berhampiran rumah Ismail). Tapi orang *oyak* [cakap] Puteri Saadong ni memang comel orang, orang comel.

**F : Adakah dia sendiri yang tidak mahu berkahwin?**

**I :** Ya dia tak kahwin, jadi dia tak ada sejarah yang *jate*, [bersama mana-mana lelaki] anak dia tak ada. Tapi dia ni (bunyi kenderaan) kalau beri pinggan mangkuk, cuma beri nampak pada orang *sekerak* [sebahagian]. *Sekerak* [sebahagian] ni sahaja (Ismail menunjukkan lengannya menggambarkan Puteri Saadong hanya menunjukkan bahagian lengannya sahaja). Nampak lengan (bunyi kenderaan) tuan tak nampak, *ho bahkali* [ya barangkali], dia tak beri nampak kat orang wajah dia tu, macam mana nak *oyak* [cakap] tak boleh.

### Bahagian 3: Perjuangan Puteri Saadong

- F** : Apakah perjuangan Puteri Saadong ketika menetap di kampung ini?
- I** : *Bahkali* [Barangkali] kita rasa, orang *oyak* [cakap] *jame* [zaman] itu, dia nok tolong orang kampung sahaja. Ya, nak tolong, nak tolong orang kampung. (Isteri Ismail mencelah) Ya, jenis orang yang baik (bunyi kenderaan) dia nak tolong orang kampung. *Jame* [Zaman] itu payah kan pinggan mangkuk *gapo gitu* [itu ini], dia tolong orang kampung lah. Ya orang susah. Mujur, *mugo* [tambahan] dia barang banyak. Ya pinggan mangkuk.
- A** : Mengapakah gua di situ menjadi pilihan buat orang yang bertapa?
- I** : Dia, *gemuloh* [arwah] ni, *gemuloh* [arwah], (isteri Ismail mencelah) Pakcu Ade, dengan Wok Wea. Dia jenis *tapo* [bertapa] orang tu. (bunyi kenderaan) (Isteri Ismail mencelah). Nak ilmu, (isteri Ismail mencelah) nok, tapi dia *ngatik* [berzikir] banyak meratib-- (isteri Ismail mencelah). Ya ya Wok Wea. Tak ada mati belaka dah. (Isteri Ismail mencelah) tapi ilmu banyak (isteri Ismail mencelah), hei, ilmu banyak dia. Ayat-ayat Al-Quran ini banyak, dalam dada dia, yang dia naik kata duk *tapo* [bertapa] *sakni* [tadi] (isteri Ismail mencelah) (bunyi kenderaan) dia tak gila, cuma dia buat *begitu* [bertapa]. Ya orang sini, orang Selising, asal orang Selising. (Isteri Ismail mencelah) Dia pakai *piah* [kopiah] merah panjang begitu dia. *Gemuloh*

PUTERI SAADONG

[arwah] ni dia mati, malaikat dengar lah, dia *tapo* [bertapa] lah. (Isteri Ismail mencelah) Orang lain tak pergi belaka, takut. Ya.

**A : Setelah Puteri Saadong dikhianati di sini? Ke manakah Puteri Saadong berpindah?**

I : Ya Bukit Marak lah, Bukit Marak tu orang buat zalim juga macam di sini juga. Ya lepas tu baru masuk gi Gunung Ayam. Gunung Ayam dalam *Pehe* [Pahang], jauh lah. Dia kata "*duk denung loni*" [orang mendakwa "Puteri Saadong duduk di sana sekarang"], di Gunung Ayam. Dia ada lagi, masih ada. Ya sama lah, sama dengan sini juga. (Ismail mengiyakan) tu benda ah. Pasal Bukit Marak ni gua ada juga. Ya, gua ada. Sayo tak boleh lalu *siaing* [meremang] bulu roma. Kat *Minyak Tar* [nama tempat di dalam Kampung Bukit Jawa] lepastu ada *gua* [Gua Bukit Marak]. Eh dekat sahaja. (Isteri Ismail mencelah) (Bunyi kenderaan). Lepas daripada gunung masuk dalam, dekat. Eh! Tak pergi, tapi rumah orang tepi *kaki* tu banyak, [penempatan orang di kaki Bukit Marak] di atas tu gunung, Bukit Marak. Bukit Jawa di sini.

**A : Adakah Puteri Saadong masih wujud di Gunung Ayam?**

I : Ya duduk di Gunung Ayam lah. Duduk situ, rasa rasa sekarang ni. Orang *oyak* [cakap]. Sampai sekarang duduk situ, Gunung Ayam tu tak ada orang sampai lagi lah. Kat mana tak tahu Gunung Ayam. Nak *oyak* [cakap] tak boleh la kita. Ya, dalam *Pehe* [Pahang], *mugo* [tambahan pula] *Pahe* [Pahang] ni bukit banyak, *mugo* [tambahan pula] Negeri Pahang ni luas, luas daripada Kelantan. Ya, duduk kat mana tak tahu kita nak *oyak* [cakap] tak boleh. *Gunung Stong* [Gunung Stong terletak di Dabong, Kelantan, ianya sejauh seratus tiga pulu dua kilometer dari Kampung Bukit

Jawa] tu biasa ni yang ni gi tu (sambil menunjukkan gambar Kak Yah), Gunung Stong. (Mengetuk-ngetuk gambar Kak Yah) Ya dia pergi *tapo* [bertapa] sekali dengan Tok Yah Same (bunyi kenderaan) ini orang ini. Kan air duduk terjun *dung* [pencerita membuat bunyi air terjun], awak tak *ajin* [pernah] pergi? Gunung Stong. Alah. Kalau awak pergi (isteri Ismail mencelah) Gua Musang, nak pergi Gua Musang, ikut mana eh? Kuala Krai. Ni kita pergi ikut *bek* [pencerita tersasul] Bukit Bunga. Tahu? Ya Bukit Bunga, lepastu kita masuk dalam nak pergi Gua Musang. Tu jalan tu jalan- (pencerita mengerah ingatannya dengan memejam mata) jalan bukan jalan nak pergi ikut Machang ni tak, jalan ikut atas. Gunung yang tinggi sekali tu kan, air duduk terjun *dung dung, dung* [pencerita membuat bunyi air terjun dan menggayakan tangannya seperti air terjun] nampak lah. Air terjun comel. Orang panggil Gunung Stong. Jalan nak pergi Bukit Bu- jalan nak pergi ke Gua Musanglah (bunyi lantai kayu rumah Ismail dipijak) *Jeli, ya Bukit Bunga* [Jeli dan Bukit Bunga adalah antara daerah di Kelantan]. (Bunyi lantai dipijak). Ni anak kita ni, kurang sihat. (Ismail menuding ke arah anaknya yang baru pulang ke rumah). Ada dia pergi kita pergi *kekni* [baru-baru ini] ya comel *situ* [Air terjun di Gunung Stong] tengok. Ni yang tu ni gi ni *tapo* [bertapa] (sambil menunjukkan gambar Kak Yah) haa Gunung Stong. “Comel Pak Do, di atas nu” *dia oyak* [Kak Yah cakap], *gemuloh* [arwah Kak Yah] ni *oyak* [cakap]. Apa itu? Atas yang tinggi sekali tu. Tapi sejuk, dia naik duduk atas tu, angin (bunyi kenderaan) *bo bo bo* [pencerita membuat bunyi angin dengan tangan digayakan seperti angin sedang bertiup]. Dia boleh naik orang *tino* [walaupun dia perempuan, dia boleh naik gunung setinggi 1433 meter dari aras laut itu] (senyum teruja) pasal orang ghaib duduk tolong dia ni. Kalau kita tak boleh



## PUTERI SAADONG

nak naik (gelak) nak naik tak boleh. Ya tinggi, Gunung Stong ini tinggi. Air duduk terjun *dung dung dung dung dung* [pencerita membuat bunyi air terjun dan menggayakan tangannya seperti air terjun]. Tak pun biar kemarau atau tak kemarau, ada *sokmo* [sentiasa] air. Dia panggil Gunung Stong situ.

**F : Apakah nilai murni yang boleh encik ambil dari cerita Puteri Saadong ini?**

I : Cerita ni tak ada khianat apa-apa. Kita pun *mugo* [sudah] orang tua ni *royak* [cakap]. Kita boleh cakap lagu tu lah. Nak panjang-panjang lagi kita tak berani nak *royak koksey* [cakap benda tak patut]. Kita takut, *kecek pelawok* [cerita menipu] tak boleh benda ini. Dia tahu dia dia dengar. Ya, pasal orang ghaib ni, dia, kita tak boleh main-main. Dia orang ghaib orang tak mati *be* [abang, merujuk kepada kami Anas dan Faris], orang ghaib memang tak mati. Dia *tiaso* [sentiasa] ada. Roh dia tu ada duduk bersama dia mari tengok. Orang yang lama-lama. Dia duduk tengok kita, cuma kita sahaja tak boleh nak tengok dia tak nampak, dia tu memang ada. Kita tak boleh nak buat *buah nok kecek melawok* [mereka-reka cerita], pakcik takut nok *kecek melawok* [cerita benda tipu], ni pada, pakcik ambil ni dari orang tua *royak* [cerita]. Kita nak pandai-pandai kita tak berani. Nak *royak* [cakap], nak *kaut toksey* [tokok tambah], nak *rakei* [libatkan] benda-benda mengarut tak nak. Kita takut. (Bunyi kenderaan).

#### Bahagian 4: Harapan Pencerita

**F : Siapakah yang mengetahui tentang cerita ini selain Encik?**

I : Sini, tak tahu lah, orang tua mati *belako* [semua] tak ada, nak cakap tak boleh. Ya, *Rajo Mat* [kenalan pencerita] mati dah nak cerita tak boleh. Bukit Jawa tu (bunyi kenderaan) nak tengok orang, tak ada mati *belako* [semua]. Tak boleh nak cakap.

**F : Adakah encik mewariskan cerita ini kepada anak-anak encik?**

I : Cerita kepada budak-budak? Tak ada. *Pasa* [sebab] nya, yang tak ada, *pasa* [sebab] anak, budak-budak sekarang dia tak tanya *gak* [jadi] kita senyap sahajalah. Kecuali kalau dia tanya kita boleh nak cerita, ni *paka* [turut] senyap, tok cerita lah kita. Ni kita ni cerita ni ambil daripada orang tua kita. Orang tua kita sudah meninggal, eh! Berapa puluh tahun dah ni mati Ada kali dua puluh kali. Dua puluh tahun [20 tahun].

**F : Encik generasi ke berapa yang mewarisi cerita ini?**

I : Dari orang tua juga, *orang tua orang tua orang tua* [turun termurun]. Dah, kita dengan orang tua duduk cakap cerita *caro-caro* [kisah] Puteri Saadong ni kita *ralik* [asyik], orang tua tu *royak* [cerita], orang tua kita *royak* [cerita]. Begini begini begini dia cerita pada kitalah. Masa Puteri Saadong ni mari duduk sini, dalam kawasan dia semua bau, nak naik Bukit Jawa tu bau sedap dah. (Bunyi kenderaan) sekarang tak ada dah, ya dululah, nak naik Bukit Jawa tu bau sedap dah, bau.

*Serbok-serbok* [Semerbak] bau comel, bau sedap. *Jalan kaki sahaja* [untuk menaiki Bukit Jawa haruslah berjalan kaki kerana tiada trek untuk kenderaan disediakan], (bunyi kenderaan) dulu comel jalan, sekarang sahaja. *Molek* [Elok] la jalan *begitunya* [pelengkap ayat], dia *lebuk* [elok] begitu. Jalan ikut dalam, *puh* [ranting] kayu, *puh* [ranting] kayu banyak kan, kita berjalan-jalan begitulah. Tapi naik kawasan dia tu bau sedaplah, memang bau sedap. Bau *wa wa wa* [bau yang kuat]. Macam sekali bau macam bunga, ya bunga. Macam-macam warna bunga bau. Ya sedap bau.

**A : Adakah masih ada penduduk kampung yang melihat kelibat Puteri Saadong di Bukit Jawa?**

I : Tak ada, setakat dia lari ni *gak* [pelengkap ayat]. Tidak mari mari, *pah* [sampai] ke sekarang.

**F : Adakah encik tahu bila Puteri Saadong melarikan diri dari Bukit Jawa?**

I : Eh! Ayah pakcik tu ketika itu dia tak ada dah Puteri Saadong, cuma orang tua *royak* [cerita]. Lama lagi. Ah! Macam Hang Tuah Hang Jebat. Jadi *orang tua tu ambil, sama dengan bapa dia, selepas itu bapa dia pula, lepastu bapa dia pula* [cerita diturunkan secara turun temurun, tidak pasti sudah berapa generasi] (bunyi kenderaan) Ya atas. Hei! Buat air *Mek Mu* [Ismail memanggil isterinya dengan panggilan Mek Mu] hei, hei, rebus air dah? Buat air buat air. (Melaung kepada isterinya).

**F : Adakah cerita Puteri Saadong ini ada kaitan dengan Cik Siti Wan Kembang dan Mayang Sari?**

I : Eh, tak, tak sama, tak ada kaitan.

**F : Adakah Puteri Saadong ada kaitan dengan sultan yang memerintah Negeri Kelantan?**

I : Hei! Tak ada. Dia orang ghaib, kalau kita *gat* [pelengkap ayat], macam orang wali Allah lah, orang ghaib. Ya tak ada, orang ini orang ghaib, tapi dia boleh cakap dengan orang. Cuma tak beri nampak wajah. Wajah tak boleh, tak nampak. Ya dia *kecek* [bercakap] dengan orang. Cuma beri nampak tangan, cakap, tapi tak nampak. Suara dia tu dengan orang bercakap, ya lembut *molek* [elok] bercakap dengan dia. Ya, cuma nya (bunyi pen) dia tak beri nampak wajah dia. Cuma beri nampak setakat ini sahaja hulur barang-barang (menunjukkan paras lengan). *Puok-puok* [sahabat-sahabat] dia tulah *puok-puok* [sahabat-sahabat] (bunyi kenderaan) macam kita kata Puteri Saadong ni ramai kan *puok-puok* [sahabat-sahabat] dia tu kan, *puok-puok* [sahabat-sahabat] anak beranak dia tu, keluarga dia makna beri kat orang pinggan, pinggan mangkuk. Bukan dia seorang, ramai dalam tu. Cuma nya tak beri nampak *belaka* [semua]. Cuma beri nampak *sekerat sekerat belako* [sahabat-sahabat Puteri Saadong juga hanya menunjukkan bahagian lengan tanpa mendedahkan wajah mereka].

**A : Adakah Puteri Saadong menetap bersama ibu dan ayahnya di Bukit Jawa itu?**

I : Ya tidak tidak. Tak ada. Dia Puteri Saadong ni *tino semuo* [yang bersama Puteri Saadong adalah perempuan kesemuanya]. Tak ada *jate* [lelaki] seorang *habuk* [pelengkap ayat]. Ho orang *tino belako* [perempuan semua]. Ghaib juga, ghaib *belaka* [semua], tak tunjuk muka *belaka* [semua]. Ya, tiada orang *jate* [lelaki]. Ya dia bercakap dengan orang nak pinjam mangkuk *gapo* [apa] cakap dengan orang *haluh manih* [sopan] lah.

**F : Adakah perlu menghantar wakil untuk pergi berurusan dengan Puteri Saadong?**

**I :** Boleh pergi, siapa-siapa pun. *Tiko* [ketika] itu, *tiko* [ketika] itu tok penghulu pun tak ada. *Jame gitu* [Zaman itu]. Tak, tak ada wujud lagi tok penghulu (bunyi pinggan mangkuk). Ni *gak* [pelengkap ayat] *pergi situ selalu bukit* [boleh pergi terus ke bukit Jawa jika ingin berurusan dengan Puteri Saadong]. Ya *dia* lah [Puteri Saadong] paling banyak sekali pinggan mangkuk. Orang nak *bekwoh* [rewang] kawasan Selising mana *sini mana* [kawasan-kawasan berampiran dengan Kampung Bukit Jawa] pinjam dekat dia *belako* [semua]. Dari *Kota Tinggi* [Kota Tinggi terletak sejauh tiga puluh kilometer dari Kampung Bukit Jawa] pinjam *rumah dia* [dari Puteri Saadong] lagi, pinggan mangkuk, *jame gitu* [zaman itu].

**A : Adakah orang kampung Bukit Jawa ini pergi meminta pertolongan Puteri Saadong semasa dia berada di Bukit Marak?**

**I :** Tak. Tak pergi dah. Dia tolong orang Bukit Marak pula. *Orang gunung* [orang yang tinggal di kaki bukit Bukit Marak], orang *Bachok* [sebuah daerah di Kelantan yang terletak sejauh dua puluh satu kilometer dari Kampung Bukit Jawa], orang Bukit Marak yang dia tolong, dia dekat-dekat dah tu. *Ya tak* [orang kampung Bukit Jawa tidak lagi pergi meminta pertolongan dari Puteri Saadong semasa dia di Bukit Marak], lama juga dia duduk situ. Orang *royak nyah* [cakaplah], ya, dia duduk Bukit Marak tu lama dia duduk. Duduk lama situ, *pasa* [sebab] orang buat *molek* [elok]. Pinggan hantar balik *molek* [elok] comel apa, (bunyi pinggan mangkuk) lepas tu *gak* [pelengkap ayat], *buat semula* pula lah [orang Bukit Marak menghantar balik dengan elok pinggan yang diberi pinjam oleh Puteri Saadong pada mulanya. Lama

kelamaan mereka alpa dan buat tak endah akan keadaan barangan yang dipinjam]. Serupa yang sini lah (bunyi kenderaan). Yang sini pun buat *molek* [elok] hantar comel. Kalau pinjam sepuluh butir, sepuluh butir kita kata. Hantar comel *belako* [semua], basuh *gapo* [sebagainya] pergi hantar. Lama-lama *gak* [pelengkap ayat], buat tak kesah lah. Ya tu benda *ah* [pelengkap ayat].

**A : Adakah masih ada barang peninggalan Puteri Saadong di Gua Bukit Jawa itu?**

**I :** Tak ada dah. Cuma ada batu tempat rak letak *bare* [barang] sahaja. Tak ada, *bare* [barang] dia tak ada. Yang *jadi batu* [pinggan mangkuk menjadi batu] *gapo* [apa] tak ada.

**F : Adakah masih ada orang yang pergi menaiki Bukit Jawa itu?**

**I :** Kalau orang pergi tu ada juga orang-orang pergi (bunyi kenderaan). Orang pergi bukan orang naik tak. Naik pergi cari daun palas, (suara isteri Ismail) nak buat *tupat* [ketupat] kan. Lepas itu pergi cari akar nak ikat pagar *gapo* [dan sebagainya]. Tu ah, (bunyi pinggan mangkuk) Bukit Jawa tu kawasan tu, gua tu. Dia *alok* [terletak] atas daripada kubur sikit (bunyi kenderaan) dia atas sikit. Jauh juga (bunyi pinggan mangkuk di dapur rumah Ismail).

**F : Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang pantang larang yang ditetapkan untuk naik ke Bukit Jawa?**

**I :** Tak ada. Dia mudah (bunyi pinggan mangkuk) ja *gotu* [perkara itu]. *Pate lare* [Pantang larang] kata, kita *tabik* [hormat] dengan dia sahajalah.

**A : Adakah pihak muzium pernah datang untuk mengambil cerita Puteri Saadong ini?**

PUTERI SAADONG

I : (Bunyi cawan) tak ada. Tak ada. (Bunyi cawan). Tak adalah orang mari cerita Puteri Saadong begini begini tak ada. *Pada demo* [Hanya awak berdua, merujuk kepada kami, Faris dan Anas] sahaja mari tanya, orang lain tak ada. Tapi *jame-jame* [zaman-zaman] kita orang tua memang dia ada cerita. Orang *loni* [sekarang] dia tak, tak ambil tahu dah. *Bare-bare* [Perkara-perkara] sebegini tak ambil tahu.

A : **Cerita Cik Siti Wan Kembang diiktiraf sebagai cerita rakyat oleh muzium. Adakah cerita Puteri Saadong ini mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?**

I : Tak ambil tahu. Tak ada.

F : **Bagaimanakah cerita Puteri Saadong ini disampaikan dan dipersembahkan?**

I : Ya itu, *tiko* [ketika] itu. Ada la, dua tiga orang dengar cerita. Cerita Puteri Saadong ni, orang tua *royak gini gini gini* [cerita perihal kisah Puteri Saadong]. Dia *royak* [bercerita] ceritalah, serupa kita yang tu lah. Tapi dia nak *royak* [cerita] *lagi* [lebih-lebih] tak bolehlah, dia tak *pelawok* [menipu] juga. Cuma dia cakap yang begitu, kita pun cerita yang begitu dah lah. Kita tak boleh nak *ngaruk koksey* [mengarut benda tak patut]. Kita *royak* [cerita] yang betul sahaja. Orang tua *royak* [cerita] tu, *lagu tu* [macam tu] sahajalah (bunyi kenderaan).

A : **Selain kampung ini. Tempat manakah lagi yang mengetahui cerita Puteri Saadong ini?**

- I : *Pasir Puteh* [Kampung Bukit Jawa terletak di dalam daerah Pasir Puteh] tak tahu, *kawase* [kawasan] Selising ini sahaja tahu. Bukit Jawa tu. Puteri Saadong. Macam orang *Jerteh* [sebuah daerah di Terengganu, terletak sejauh tiga puluh dua kilometer dari Kampung Bukit Jawa] mana tak tahu. Kampung ini sahaja tahu, *ho nu alik nu* [orang Bukit Marak adalah cerita mereka sendiri dengan Puteri Saadong] tahu, kita tahu *alík* ni [kita tahu kisah Puteri Saadong di kampung kita sahajalah].
- A : **Adakah puisi atau sajak yang berkisarkan tentang Puteri Saadong?**
- I : Tak ada, cerita rakyat begitu sahaja. Dia habis dengan *gitu jah* [begitu sahaja] (Ismail mencucuh rokok) (bunyi kertas soalan temubual diselak) tapi *jame gitu gak* [zaman itu] orang *soho* [masyhur/tersohor] lah (bunyi kenderaan) Puteri Saadong ini. Orang baik dengan orang, satu pula, boleh *kecek kiro* [bertolak ansur] dengan dia. Boleh *kecek kiro* [bertolak ansur] barang atau apa sahaja, kita nak ambil apa-apa mudah dengan dia. Dia tidak kedekut, dia baik dengan manusia ini?
- F : **Apakah harapan encik terhadap cerita Puteri Saadong ini? Adakah encik menyokong cerita ini diiktiraf sebagai cerita rakyat.**
- I : Kita kalau boleh lagu tu lah, (Ismail bersemangat) nak suruh bagitahu lah sejarah ni. Puteri Saadong ni orang sebelah luar, begitu. Barulah tidak mati. Wujud *dia* [Puteri Saadong] ni *hok mugo* [sesungguhnya] memang ada. Tapi banyak orang tak tahu lah. Tapi kalau boleh nak suruh orang tahulah Puteri Saadong ini memang dia ada.
- A : **Apakah pengajaran yang encik boleh ambil dari cerita Puteri Saadong ini?**
- I : Cerita dia ni *mugo* [sudah] orang tua *royak* [cerita] lagu tu, kita pun *royak* [cerita] lagu tu lah. *Mugo tubik* [jadi, bergaul] dengan orang tua sebab orang tua duduk



*royak* [cerita]. Kalau ada *gemuloh* [arwah] *cik* kita ni [ayah] boleh *royak so so* [cerita dengan lebih terperinci]. *Gemuloh tok tua* [Arwah bapa mertua] kita ni orang *sini* [bapa mertua Ismail adala orang asal Kampung Bukit Jawa, sementara Ismail berasal dari Selising yang terletak sejauh dua kilometer jarak antara kedua-duanya], (bunyi kenderaan) ayah orang perempuan saya tu. Dia lah *royak* [cakap] cerita dekat kita, mak kita pun *royak* [cakap] *lagu* [macam] tu juga. *Cik kita* [bapa saya] *royak* [cerita] lagu itu juga. Dia ini [Kak Yah] *royak* [cakap] begitu juga. Serupa sahaja. (bunyi kenderaan) *Cik* [Bapa] saya orang Selising, mak saya orang *Bukit Yong* [Bukit Yong terletak di dalam daerah Machang, Kelantan. terletak sejauh dua puluh enam kilometer dari Kampung Bukit Jawa]. *Cik* [bapa] sayalah yang tahu nya. *Gemuloh* [Arwah] ni, yang *jate* [lelaki] ni *royak* [cerita]. *Tok tua saya hok tino* [ibu mertua saya] itu orang, orang *Kampung Panjang* [terletak berhampiran Bachok, sejauh dua puluh satu kilometer dari Kampung Bukit Jawa]. Kampung Panjang Sering. Jalan nak pergi ke- (bunyi kenderaan) *alok* [sebelah] atas daripada Bachok. *Belah* [Sebelah] ke atas *nu* [bahagian utara Kelantan] lagi (bunyi kenderaan). *Tok tuo* [mertua], ya. *Tok tuo jate* [bapa mertua] sahaja sini. Kita takut *goni* [benda ini] (bunyi pen). Takut nak *kecek-kecek toksey* [mereka cerita], nak mengarut-mengarut tak boleh (bunyi pen). Kita tak boleh. Dia mengarut rasa *gat* [diserang ketakutan] jadi mari, mari dada kita, *gat gat gat gat* [berdebar-debar] *kenaling* [tidak bermaya] tak boleh. Nak kecek dengan orang *toksey* [tak boleh]. Kita ni ambil ni wujud pada orang tua. Kita tak boleh nak *royak toksey* [mereka cerita], tak berani. Buat cerita, buat mengarut tak boleh benda ini. Dia marah lah. Haa dia marah, bila dia marah (bunyi kenderaan) *koho duk kenaling* [akan jadi tidak bermaya] kita *takdo pasal* [tak

pasal-pasal]. Sebab tu kita *royak* [cakap] tu, *mugo* [apabila] orang tua royak gitu, kita boleh *royak* [cerita] *lagu* [macam] tu sahajalah. Ya nak *royak* [cerita] lebih lagi tak boleh dah. Tu benda ah.

**A : Apakah harapan encik daripada kerajaan untuk gua di Bukit Jawa itu?**

**I :** (Bunyi kenderaan) Ya kalau situ buat comel, (bunyi pen) buat boleh buat sejarah situ, gua tu, buat biar comel. Jadi orang ramai naik pergi tengok pula di situ. Orang yang mana, tahu sejarah Puteri Saadong ni kan, dia buat di gua tu kan, kalau buat comel, ramai orang pergi. Orang pergi melawat kan. *Mugo bare* [Tambahan pula kawasan] comel situ, kalau kerajaan buat. Kerajaan pun tak tahu tu, gua tu. Tu sebenar. Gua Bukit Jawa tu dia tak tahu. Bukit Marak tu, hei! Tak tahu, tak buat cantik juga. Sayang. Ya kalau dia buat dekat sini, *duk beraso* [rasanya], maju. Buat jalan tar apa (bunyi kenderaan) masuk pergi dalam orang tengok, wow! Ramai, tengok sejarah. Yaa cantik, hei! Com- comel, cantik tu gua tu. Comel, batu besar, besar daripada rumah saya ini. Gua. Bukan kecil, bukan kecil gua, besar (teruja) (bunyi telefon) heihh! (teruja), ni rumah ni, dia macam rumah (bunyi kenderaan) comel (bunyi televisyen) (bunyi kenderaan). Awak tengok macam kawah (bunyi kenderaan) kawah, *demo* [awak] kenal kawah? Ya, macam tu, dia gelung begitu (membuat tangan bentuk sepemeluk) (bunyi televisyen) lepas tu dia lubang sempit begitu, ya untuk masuk dalam, *pintu* [pintu untuk masuk ke dalam Gua Bukit Jawa adalah lubang yang sempit]. Dalam tu luas, luas ini, macam rumah ini luas. Pukul sebelas baru nampak dalam itu. Cahaya matahari masuk. Tak nampak nak hendap tak boleh di dalam. Bawak lampu suluh bolehlah. Tak tinggi mana, naik *suk suk*

[tanpa ada halangan] begitu sahaja. Eh! *Tak boleh* [Tak boleh menaiki kenderaan], jalan kaki, hutan kiri kanan.

**A : Apakah harapan encik untuk generasi sekarang yang tidak berminat akan cerita rakyat seperti ini?**

I : (Bunyi kenderaan) Budak tak tanya *loni* [sekarang] tak serupa orang *jame ritu* [zaman dulu]. Orang *jame ritu* [zaman dulu] dia banyak cerita dia *royak* [cerita] begini-begini, kisah lama-lama. Sekarang budak dia tak tanya dah. Dia senyap begitu (Ismail kecewa). Eh! Minum air ni. Eh! Makan *sekut* [biskut] ni. Eh, nasi-nasi *lagu* [macam] mana tak tahu, tak *nanok* [menanak] *orang puang* [isteri saya] (melaung kepada isterinya).

## RUJUKAN

“Universiti Kebangsaan Malaysia.” *Ukm.my*. Pusat pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, 2007.

Web. 10 Jun 2017.

Saputra, Indra. “Penegertian dan Ciri-Ciri Cerita Rakyat”. 2013. Web. Jun. 2017.

## INDEKS

- A**  
Alek Blake, 10  
Asiyah Binti Awang 13
- B**  
Bukit Jawa 10, 26, 28, 30, 33, 35, 37  
Bukit Marak 8, 31, 32, 35, 36, 37, 43, 53, 57  
Belako 10, 12, 13, 16, 17, 21, 29, 36, 40, 49, 51, 52, 53  
Bini 11, 13, 18, 21  
Bukit Bunga 47.  
Bekwoh 27, 38, 52  
Bukit bunting 29.  
Batu bertindan 35, 36, 37  
Bertih 36.  
Bachok 36, 52, 56.
- D**  
Deris Bin Merah 13.
- G**  
Gua Bukit Jawa 10, 26, 32, 35, 36, 37, 43, 53, 57  
Gemuloh 39, 45, 47, 56  
Gunung Ayam 32, 40, 42, 46  
Gunung Stong 46.  
Golok 16
- J**  
Jerteh 13, 55.  
Jame 38, 45, 52, 54, 55, 58  
Jeli 47.  
Jaja 16.
- K**  
Kelantan 9, 13, 18, 19, 27, 38, 46, 47, 52, 53, 56  
Kerajaan Jembal 30.  
Kak Yah 38, 39, 40, 41, 47, 56
- M**  
Mayang Sari 29.  
Mugar 18, 22, 29.
- P**  
Pasir Puteh 15, 20, 22, 55  
Pahang 32, 40, 42, 46  
Pulau Pinang 29.  
Pulau Langkawi 29.  
Puteri Saadong 9, 10, 24, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 53, 54, 55, 57  
Pak Do Awe 11.  
Pitih 20, 22, 23, 24  
Pendek 38, 40.  
Padang Melor 42.

PUTERI SAADONG

**R**

Rewang 27, 34, 38, 52

Raja Abdullah 41, 42.

**S**

Selising 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 20,  
21, 38, 45, 52, 55, 56.

SRP 14.

Sigai 35, 36.

Sumbing 34, 38.

Susuk Jatuh 37.

Sokmo 38, 39, 40, 41, 48

**T**

Titih 29, 31.

Tokse 16, 18, 19, 20, 31, 48, 56.

Tiko 14, 15, 27, 52.

Tok Yah Same 38, 39, 40, 41, 47

Tok Yu Yah 40.

Telago 36.

**U**

Ulek Mayang 39, 44.

**W**

Wok Wea 45.

**LOG TEMUBUAL**

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG NARRATOR</b>		
0:00	Pengenalan Tentang Latar Belakang Pencerita.	Encik Ismail Bin Idris Pak Do Kuantan Padang Selising Bukit Jawa Sekolah Selising
9:15	Pekerjaan Pencerita	Singapura Padang Selising Bukit Yuh Takbai, Thailand Mulut, Thailand Kuala Lumpur Johor Pasir Puteh
<b>BAHAGIAN 2: ASAL USUL PUTERI SAADONG</b>		
31:45	Pengenalan Puteri Saadong	Bukit Jawa

PUTERI SAADONG

37:06	Asal-usul Puteri Saadong	Bukit Jawa Bukit Marak Gunung Ayam Pahang Raja Loyar Kerajaan Jembal Arwah Gemulah Pulau Pinang Pulau Langkawi
44.00	Bercerita tentang barangan yang disediakan oleh Puteri Saadong kepada penduduk Kampung Bukit Jawa	Pinggan mangkuk dan gelas
45.00	Bercerita tentang tempat kegemaran Puteri Saadong.	Batu bertindan
50.00	Bercerita tentang sahabat Encik Ismail yang gemar bertapa	Kak Yah Tok Yah Same Tok Yu Yah
55.40	Bercerita tentang Raja Abdullah dan Mayang Sari	Mayang Sari
1.01.05	Bercerita tentang Ulek Mayang	Raja Abdullah Mayang Sari
		Ulek Mayang



<b>BAHAGIAN 3: PERJUANGAN PUTERI SAADONG</b>		
1.02.13	Bercerita tentang Puteri Saadong menolong Penduduk Kampung Bukit Jawa.	
1.03.05	Bercerita tentang sahabat Encik Ismail yang gemar bertapa.	Pak Cu Ade Wok Wea
1.04.16	Bercerita tentang Puteri Saadong berhijrah ke Bukit Marak dan Gunung Ayam di Pahang.	Kampung Bukit Marak Bukit Marak Gunung Ayam, Pahang.
1.06.10	Bercerita tentang Kak Yah bertapa di Gunung Stong	Gunung Stong Jeli Kuala Krai Bukit Bunga Gua Musang Machang.
<b>BAHAGIAN 4: HARAPAN PENCERITA</b>		
1.10.27	Bercerita tentang kekecewaan Encik Ismail akan anak-anak muda sekarang yang tidak mahu mengambil tahu tentang sejarah.	
1.21.44	Encik Ismail meluahkan harapannya agar kerajaan dan pihak muzium mengiktiraf kisah Puteri Saadong ini.	

## BIOGRAFI TOKOH



Gambar 1: Lukisan Puteri Saadong

Puteri Saadong

Orang ghaib berasal dari keturunan bunian

Tinggal di Gua Bukit Jawa Pasir Puteh Kelantan

Berpindah ke Bukit Marak seterusnya ke Gunung Ayam di Pahang

Wujud sekitar zaman Hang Tuah

Mempunyai peribadi yang mulia dan suka menolong orang

Tidak pernah mendedahkan rupa parasnya, tetapi dikatakan mempunyai wajah yang jelita

## DIARI KAJIAN

Tarikh	Perkara
7 Mac 2017	Kami mendapat tugas dari pensyarah IMR604, Puan Nor Kamariah Binti Chik. Tugas ini adalah tugas secara berkumpulan, iaitu dua orang bagi setiap kumpulan. Tujuan utama tugas ini adalah untuk menyelami cerita cerita dongeng rakyat yang terdapat di Negeri Kelantan. Cerita dongeng rakyat bermaksud cerita fiksyen ataupun lagenda yang dikatakan wujud pada zaman dahulu contohnya cerita Hikayat Hang Tuah. Kami ditugaskan untuk memilih satu cerita rakyat yang terdapat di Kelantan untuk dijadikan tajuk, seterusnya mencari seorang pencerita yang mengetahui atau merasai sendiri cerita rakyat tersebut.
10 Mac 2017	Kami mengadakan perbincangan untuk memilih satu tajuk. Beberapa tajuk telah dicadangkan oleh Faris dan Anas iaitu Mayang Mengurai dan Tarian Menora. Setiap tajuk harus disediakan pengenalan untuk diberi kepada Puan Kamariah untuk penilaian.
15 Mac 2017	Kami pergi ke Muzium Negeri Kelantan untuk mencari sumber rujukan tentang dua tajuk kami dan untuk mendapatkan maklumat tentang siapa yang mengetahui dan berpengalaman tentang dua tajuk pilihan kami.
19 Mac 2017	Antara dua tajuk yang dicadangkan, kami memilih Tarian Menora untuk dikaji kerana Mayang Mengurai tidak banyak maklumat yang kami dapat daripadanya.

<p>21 Mac 2017</p>	<p>Sekali lagi, kami menukar tajuk. Tajuk yang dipilih kali ini adalah cerita mengenai Tok Solehor, seorang ulama dari Tanah Kelantan yang terkenal dengan ilmu agamanya standing dengan Tok Kenali, seorang lagi ulama dari zaman yang sama. Ini kerana, kami tidak dapat mencari pencerita Tarian Menora kerana dikatakan orang yang mengetahui tentang sejarah tarian ini kebanyakannya telah meninggal dunia. Dan juga, tarian ini sudah tidak dipraktikkan di Kelantan tetapi banyak dipraktikkan di negeri utara kerana disana banyak masyarakat kaum Siam yang tinggal disana.</p>
<p>22 Mac 2017</p>	<p>Tajuk kami ditolak oleh Puan Kamariah kerana Tok Solehor lebih kepada cerita tokoh berbanding cerita dongeng.</p>
<p>3 April 2017</p>	<p>Kami memilih cerita dongeng mengenai Puteri Saadong. Tajuk kami kali ini dipersetujui oleh Puan Noor dan Puan Kamariah. Cerita ini begitu menarik kerana terdapat pelbagai versi tentang Puteri Saadong ini</p>
<p>5 April 2017</p>	<p>Kami mula mencari maklumat tentang cerita Puteri Saadong dengan bertanya kepada rakan-rakan yang berasal dari Kelantan. Mereka mencadangkan kepada kami agar ke Pasir Putih, Kelantan kerana cerita Puteri Saadong berasal dari sana.</p>
<p>7 April 2017</p>	<p>Kami ke Pasir Puteh untuk mencari pencerita dan menetapkan tarikh untuk menemu-ramah. Kami menemui Tok Penghulu Kampung Selinsing, dikenali sebagai Tok Penghulu Jali. Setelah menyatakan tujuan kami. Dia membawa kami ke rumah Ismail bin Idris, atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Do.</p>

	Setelah memperkenalkan diri dan tujuan kami, Pak Do tanpa berat hati bersetuju untuk menjadi pencerita kami. Kami bersepakat untuk menjalankan sesi temuramah pada 25 April 2017
25 April 2017	Seperti yang dijanjikan, kami pergi ke rumah Pak Do untuk menemuramah beliau mengenai Puteri Saadong. Kami bertolak lebih kurang pukul 8.15 malam. Perjalanan ke Pak Do mengambil masa lebih kurang 45 minit. Setibanya kami di rumahnya, kami disambut meriah oleh Pak Do dan isterinya. Beberapa hidangan telah disediakan bagi menyambut kedatangan kami. Temuramah kami mengambil masa lebih kurang dua jam. Pak Do memberi kerjasama yang sangat baik dengan kami. Penceritaannya mengenai Puteri saadong juga begitu baik dan disampaikan dengan keikhlasan. Kami sangat berpuas hati dengan kerjasama dan maklumat yang diberikan oleh Pak Do. Setelah selesai menemuramah, kami memberikan sedikit buah tangan yang tak seberapa dan mengambil gambar sebagai tanda kenang kenangan
7 Jun 2017	Kami dikehendaki membentangkan hasil kajian kami pada pensyarah, iaitu Puan Noor Rahmawati dan Puan Nor Kamariah. Mereka sangat berpuas hati dengan hasil kerja kami
10 Julai 2017	Kami dikehendaki menghantar laporan dan transkrip lengkap untuk dinilai

## SENARAI SOALAN

## SOALAN KAJIAN

### Adakah Puteri Saadong adalah Mayang Mengurai?

#### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG NARRATOR

1. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai Encik?
2. Apa nama penuh Encik?
3. Nama gelaran Encik dikalangan keluarga?
4. Nama gelaran Encik dikalangan rakan-rakan?
5. Berapakah umur Encik sekarang?
6. Encik lahir di mana?
7. Adakah encik pernah mentap di tempat lain sebelum ini?
8. Encik anak keberapa dalam keluarga?
9. Daripada bilangan adik-beradik Encik, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
10. Mereka tinggal di mana?
11. Secara umumnya, apakah pekerjaan mereka?
12. Apakah ibu bapa Encik masih ada?
13. Siapakah nama bapa Encik?
14. Siapakah nama ibu Encik?
15. Ibu bapa Encik asal dari mana?
16. Boleh Encik ceritakan sedikit tentang ibu encik?
17. Boleh Encik ceritakan sedikit tentang bapa encik?
18. Pada tahun berapakah encik berkahwin?
19. Encik mempunyai berapa orang anak?
20. Apakah pekerjaan mereka? Adakah ada yang masih belajar?
21. Adakah ada di antara mereka yang sudah berkahwin?
22. Boleh saya tahu tentang pencapaian akademik Encik? Dari sekolah rendah hingga sekolah menengah?
23. Apakah Encik bergiat aktif masa zaman sekolah dahulu?
24. Apakah yang Encik lakukan selepas SRP?
25. Apakah hobi atau aktiviti Encik pada masa lapang?
26. Apakah cita-cita sebenar Encik semasa waktu kecil-kecil dulu?

27. Siapakah idola Encik?
28. Ada apa-apa prinsip yang Encik pegang selama ini?
29. Adakah sebelum ini Encik pernah ditemu ramah?
30. Jika ada, siapa yang menemuramah Encik?
31. Ada berapa versi cerita tentang Puteri Saadong ini?

## **BAHAGIAN 2: ASAL USUL PUTERI SAADONG**

32. Boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Puteri Saadong?
33. Apakah benar nama Puteri Saadong ini adalah pangkat?
34. Adakah nama gelaran lain bagi Puteri Saadong ini?
35. Adakah Puteri Saadong ini betul-betul berasal dari negeri Kelantan?
36. Dalam anggaran Encik. Pada tahun berapakah Puteri Saadong dilahirkan?
37. Puteri Saadong berasal dari keturunan siapa?
38. Adakah benar bahawa Puteri Saadong orang ghaib atau jin islam?
39. Dikatakan Puteri Saadong mempunyai kuasa mistik seperti mampu ghaib, benarkah?
40. Dikatakan Puteri Saadong berasal dari keturunan Raja Loyar, benarkah?
41. Dimanakah terletak kerajaan Jembal ketika zaman pemerintahan Raja Loyar?
42. Adakah dia mempunyai adik beradik yang lain?
43. Benarkah Puteri Saadong sangat cantik?
44. Bagaimanakah perwatakan Puteri Saadong?
45. Bagaimanakah layanan Puteri Saadong terhadap rakyatnya?
46. Adakah Puteri Saadong memakai pakaian-pakaian tertentu?
47. Apa yang encik tahu tentang kisah perkahwinan dia?
48. Siapa Raja Abdullah?
49. Mengapa Puteri Saadong diculik Raja Siam?
50. Apa terjadi semasa Puteri Saadong di Siam selepas diculik?
51. Benarkah dia dikurniakan dengan harta yang banyak oleh Raja Siam?
52. Apakah harta yang diperolehnya?
53. Kepulangan Puteri Saadong disambut berita buruk. Apakah berita tersebut?
54. Benarkah Puteri Saadong Membunuh Raja Abdullah?
55. Bila dia melarikan diri?



56. Ke manakah dia pergi untuk melarikan diri?
57. Mengapakah dia mengasingkan diri?
58. Siapakah yang bersama dia semasa dia melarikan diri?
59. Bagaimanakah cara dia mengasingkan diri?
60. Semasa dia menetap di sini, benarkah putera-putera raja ingin memperisterikan Puteri Saadong?
61. Boleh kami tahu ada ke tidak pantang larang yang ditetapkan Puteri Saadong terhadap penduduk kampung di sini?
62. Bilakah Puteri Saadong ini akan memunculkan dirinya ketika dia berada di kampung ini?
63. Apakah pertolongan yang disediakan oleh Puteri Saadong kepada penduduk kampung ini?
64. Apakah peralatan yang disediakan oleh Puteri Saadong untuk penduduk kampung ini?
65. Adakah dia masih melawat tempat asalnya selepas dia berhijrah ke kampung ini?
66. Adakah terdapat tempat-tempat tertentu yang menjadi kegemaran Puteri Saadong di kampung ini? (Tempat mandi atau bermain)
67. Gua Bukit Jawa juga dikaitkan dengan orang pergi bertapa, adakah ianya ada kaitan dengan Puteri Saadong?
68. Mengapakah tempat Puteri Saadong bermain menjadi pilihan org silat untuk pergi betapa di situ?
69. Adakah terdapat kisah aneh berlaku, yang boleh dikaitkan dengan Puteri Saadong pada sesiapa di sini?
70. Ada lagi tak barang peninggalan Puteri Saadong di dalam gua tersebut?
71. Apakah contoh barang yg ditinggalkan?
72. Ada tak unsur unsur mistik mengenai gua tempat Puteri Saadong tinggal? Seperti pemujaan dan sebagainya.
73. Adakah Puteri Saadong ada kaitan dengan 7 puteri Ulek Mayang?
74. Puteri Saadong juga dikatakan merajuk dengan penduduk kawasan sekitar bukit Jawa, mengapa?
75. Adakah benar Puteri Saadong ghaib ketika berada di Gunung Ayam?
76. Ada tak makam Puteri Saadong?

77. Adakah Puteri Saadong masih melawat kampung ini setelah dia berhijrah ke Gunung Ayam?
78. Dikatakan Puteri Saadong akan menjelma sebelum bencana besar melanda negeri Kelantan. Contohnya seperti sebelum banjir besar 1926 dan sebelum pendaratan Jepun di Negeri Kelantan. Benarkah?
79. Ada tak cerita mengenai orang yang nampak terlibat Puteri Saadong ini pada zaman sekarang? Contohnya pada waktu malam ke?

### **BAHAGIAN 3: PERJUANGAN PUTERI SAADONG**

80. Apakah sebenarnya perjuangan Puteri Saadong?
81. Apakah nilai murni di sebalik cerita Puteri Saadong ini?
82. Selain encik, siapakah lagi yang mengetahui secara mendalam cerita ini?
83. Adakah cerita ini berbeza dengan Mayang Mengurai dan Cik Siti Wan Kembang?
84. Adakah Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang mempunyai hubungan?
85. Adakah puteri Saadong mempunyai hubungan dengan Sultan yang memerintah Kelantan sekarang ini?

### **BAHAGIAN 4: HARAPAN NARRATOR**

86. Jadi, kiranya encik adalah generasi ke berapa yang mewarisi cerita ini?
87. Ada tak waris encik yang mewarisi cerita ini?
88. Adakah cerita ini mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak? Seperti muzium?
89. Apakah bentuk pengiktirafan tersebut?
90. Bagaimanakah cerita Puteri Saadong ini disampaikan kepada rakyat?
91. Adakah cerita ini disampaikan oleh generasi lama kepada setiap lapis baru generasi muda?
92. Adakah cerita ini juga popular di tempat lain?
93. Jika ya, adakah cerita di sana, sama dengan cerita di sini?
94. Ada tak sajak atau puisi mengenai Hikayat Puteri Saadong ini?
95. Jika ada, adakah ianya dipersembahkan untuk orang ramai?

96. Apakah nilai moral yang terdapat di dalam cerita Puteri Saadong ini?

97. Apakah harapan encik mengenai tempat Puteri Saadong mengasingkan diri itu? Adakah ia patut dipelihara dan dijadikan tempat bersejarah?

98. Apakah pendapat encik tentang generasi sekarang yang kurang pengetahuan tentang cerita rakyat?

99. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan kesedaran generasi muda tentang kepentingan cerita rakyat?

100. Apakah harapan cik terhadap cerita puteri saadong ini?

## SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN

Kami Muhammad Faris Hami Mohd Zahibi K/P: dan Mohd Khairi Anas Rosman K/P: pada 25 April 2017 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
Ismail bin Idris

Tarikh: 25 April 2017

.....  
Prof. Madya Dr. Haji Ghazali Bin Osman  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Kelantan

Tarikh:

IMR604

70

## GAMBAR



Gambar 2: Khairi Anas bersama Ismail dan isterinya



Gambar 3: Faris Hami bersama Ismail dan Isterinya